



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK LUKMAN BIN MOIDIN MENGENAI SEJARAH KEHIDUPAN
DAN PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PENGGERAK BELIA NEGERI KEDAH**

SYATIRAH BINTI ABDUL GHANI

2015136781

NURUL NAQIBAH BINTI IBRAHIM

2015145581

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER 05 (MAC 2017 – JULAI 2017)

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
SENARAI SINGKATAN	iii-iv
BIODATA PENEMUBUAL	1
BIODATA TOKOH	2
Pengenalan	3-4
KAJIAN LITERATUR	5-6
TRANSKRIP TEMUBUAL	7-53
LOG TEMUBUAL	54-59
INDEKS	60-61
RUJUKAN	62
LAMPIRAN	
i. BIOGRAFI TOKOH	63-64
ii. SENARAI SOALAN	65-66
iii. DIARI PENYELIDIKAN	67-71
iv. GAMBAR, SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN	72-82

ABSTRAK

ABSTRAK

Menelusuri sejarah dan perjalanan hidup seorang anak penebar roti canai yang berdarah kacukan Malbari dari negeri Johor diceritakan secara mendalam bermula dari sudut latar belakang, penglibatan dalam Gerakan Belia dan beberapa aktiviti kemasyarakatan yang lain. Turut juga dikongsi beberapa konflik dalaman yang dihadapi semasa beliau mentadbir dan menguruskan persatuan serta penganugerahan yang diterima oleh beliau. Bermula daripada penghijrahan beliau dari Selatan Semenanjung ke Utara Semenanjung atas urusan pekerjaan yang diamanahkan disamping menimba pelbagai ilmu pengalaman baru ke dalam diri dari segi persekitaran dan mentaliti orang ramai di negeri-negeri sekitar Malaysia. Pada masa yang sama, satu amanah besar telah diberikan kepada beliau dalam usaha menghidupkan kembali Persatuan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Cawangan Negeri Kedah yang pada ketika itu boleh diklasifikasikan persatuan yang “lumpuh”. Bukan itu sahaja, anak kelahiran negeri Johor ini juga turut berdepan dengan pelbagai cabaran dari aspek peribadi mahupun professional sepanjang beliau menerajui Persatuan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Negeri Kedah. Namun begitu, kesemua permasalahan tersebut dapat diselesaikan oleh beliau secara rasional dan sedikit sebanyak memberi impak positif dalam kehidupan beliau sendiri sehingga ke hari ini.

KATA KUNCI: *Lukman Moidin, Persatuan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), gerakan belia, pendidikan, konflik dalaman*

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu ucapan kesyukuran daripada kami ke hadrat Ilahi atas kurnianNya yang tidak ternilai, dapat kami menyiapkan tugas yang diamanahkan dengan sempurna dan jayanya bersama pengalaman dan ilmu baru yang kami perolehi hasil daripada kajian dijalankan. Pertama sekali kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih ditujukan khas untuk Dr. Azree bin Ahmad selaku pensyarah bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) yang turut bersama membimbing kami sebagai pelajar untuk menghasilkan satu laporan lengkap dan sempurna mengenai kajian yang dijalankan. Tanpa usaha dan bimbingan beliau berkemungkinan besar kami menghadapi konflik untuk menyiapkan kajian ini dalam tempoh yang diperuntukkan.

Setinggi-tinggi penghargaan khas ditujukan kepada Encik Lukman bin Moidin atas kerjasama dan usaha beliau dalam membantu menyempurnakan kajian ini dan ucapan jutaan terima kasih juga turut diiringi dari pihak kami sebagai pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat merangkap penemubual semasa kajian dijalankan. Selain itu, kami juga turut berterima kasih atas segala maklumat yang telah dibekalkan oleh Encik Lukman beserta lampiran berkaitan kajian dan juga kerjasama beliau membenarkan segala butiran yang diperolehi untuk dikongsi bersama pihak universiti.

Bukan itu sahaja, penghargaan ini juga ditujukan kepada pihak Perpustakaan Sultan Badlishah atas kerjasama beberapa staf membimbing kami dengan contoh laporan sedia ada hasil daripada pelajar-pelajar semester sebelum ini. Tidak lupa juga rakan-rakan seperjuangan yang lain dimana mereka juga turut memberikan semangat dan panduan yang amat berguna dalam usaha menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih dan penghargaan turut diberikan kepada ahli keluarga kami dari segi sokongan mental dan kewangan yang mereka berikan sepanjang menyempurnakan laporan lengkap kajian ini. Tanpa kerjasama daripada pihak berkaitan, kami mungkin berhadapan pelbagai rintangan dan cabaran untuk menyiapkan laporan dalam tempoh masa yang diberikan.

Sekian, terima kasih.

SENARAI SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD
AJK	Ahli Jawatan Kuasa
BKM	Bintang Kebaktian Kemasyarakatan
GPMS	Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung
IKM	Institut Kemahiran Mara
IPDA	Institut Perguruan Darul Aman
IPD	Ibu Pejabat Polis Daerah
IPSAH	Institut Perguruan Sultan Abdul Halim
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KLCC	Kuala Lumpur City Centre
KL	Kuala Lumpur
KPDK	Kursus Diploma Perguruan Khas
LM	Lukman Moidin
MB	Menteri Besar
MCIS	Malayan Co-Operative Insurance Society
NGO	Non-governmental Organization
NNI	Nurul Naqibah Ibrahim
PhD	Doctor of Philosophy (Ijazah Kehormat Doktor Falsafah)

PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PROSTAR	Program Sihat untuk Remaja Malaysia
PVR	Police Voluteer Reserve
ROS	Registrar of Societies (Pejabat Pendaftar Pertubuhan)
SAG	Syatirah Abdul Ghani
SK	Sekolah Kebangsaan
SKKN	Sekolah Kebangsaan Kuala Nerang
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SU	Setiausaha
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Abdul Halim
UUM	Universiti Utara Malaysia

BIODATA

BIODATA PENEMUBUAL



Nama : Nurul Naqibah binti Ibrahim
Alamat :
Nombor Telefon :
Emel :
Program : Ijazah Sarjana Muda Informasi Sains Pengurusan
Perpustakaan



Nama : Syatirah binti Abdul Ghani
Alamat :
Nombor Telefon :
Emel :
Program : Ijazah Sarjana Muda Informasi Sains Pengurusan
Perpustakaan

BIODATA TOKOH

Nama : Haji Lukman bin Moidin

Tarikh Lahir : 19 Februari 1970

Tempat Lahir : Kampung Seri Bengkal, Johor

Alamat :

Nombor Telefon :

Emel :

Profesion : Guru Pendidikan Khas, Kaunselor & Pengerusi Persatuan Barakah Malaysia

Bidang : Akademik

Anugerah : 1) Tokoh Belia Negara 2008, Kategori Kepimpinan
2) Johan Juara Penuh Disiplin Pegawai Kanan Kor Kadet Polis 2013
3) Duta Pendidikan GPMS Kedah
4) Bintang Kebaktian Kemasyarakatan
5) Anugerah Penglibatan Kaunselor Cemerlang
6) Anugerah Cemerlang Kor Kadet Aktif 2011 & 2012

PENGENALAN

PENGENALAN

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan ‘belia’ didefinisikan sebagai golongan muda- muda yang sudah akil baligh tetapi belum mencapai usia dewasa, tidak kira lelaki atau perempuan yang merangkumi semua bangsa; Melayu, Cina, India dan seluruh kaum Bumiputera. Secara amnya, golongan ini berada dalam lingkungan umur 15 hingga 30 tahun dan dikira sebagai tonggak utama dari generasi ke generasi dalam mencorak pembangunan sesebuah negara. Oleh yang demikian, golongan belia ini sewajarnya diberi perhatian dan dorongan dalam usaha membentuk belia yang berwawasan. Pelbagai persatuan dan pertubuhan telah ditubuhkan sebagai platform kepada para belia untuk menyuarakan pendapat mereka tentang isu-isu semasa ke dalam pemikiran setiap lapisan masyarakat.

Sebagai contoh, Majlis Belia Malaysia; yang berfungsi sebagai penggerak yang positif disamping menjaga hubungan antara satu sama lain. Majlis Belia Malaysia merupakan salah satu pihak yang bertanggungjawab dalam pengendalian belia mengikut kelebihan dan kemampuan para belia sendiri secara individu dan juga berkumpulan. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui gerakan unit beruniform yang ditubuhkan di setiap sekolah mahupun Sekolah Kebangsaan (SK) mahupun Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di Malaysia. Malahan, persatuan ini juga memainkan peranan yang penting dalam memupuk semangat bertanggungjawab dan bekerjasama serta nilai-nilai murni demi menanam minat untuk kesuburan rohani dan jasmani dalam kalangan belia.

Hal ini dapat dilihat melalui pendekatan yang dilakukan oleh Majlis Belia Malaysia dengan menganjurkan pelbagai aktiviti seperti aktiviti sukarelawan, Operasi Khidmat Masyarakat, Festival Belia dan pelbagai lagi. Antara contoh gerakan belia yang kekal mendapat nama sejak tahun 90-an adalah Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung yang ditubuhkan oleh Aminuddin Baki pada tahun 1948 atas dasar kesedaran akan pentingnya bidang akademik dalam kalangan anak-anak Melayu. Gerakan ini kemudian terus mengukir dan meluaskan kuasa melalui beberapa penganjuran aktiviti-aktiviti pembangunan peribadi pelajar seperti ceramah teknik menjawab soalan peperiksaan, ceramah motivasi, seminar bimbingan kerjaya, kem pendidikan, karnival kerjaya dan sebagainya.

Seiring dengan waktu, gerakan GPMS mula melebarkan sayapnya ke universiti-universiti awam bagi memainkan peranan sebagai pembakar semangat anak-anak Melayu untuk terus menimba ilmu dan bergiat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan. Namun, sebagai gerakan yang disertai oleh ramai; sebagai pelajar dan pentadbir, GMPS tidak terlepas dari menghadapi konflik dalaman. Justeru itu, seorang tokoh belia negeri Kedah telah didekati bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai gerakan-gerakan belia yang pernah disertai, ditadbir, dan dipantau oleh beliau baik secara professional ataupun peribadi.

KAJIAN LITERATUR

KAJIAN LITERATUR

Bagi mencapai objektif yang disenaraikan, beberapa langkah awal telah diambil bagi menyempurnakan dan sedikit sebanyak dapat memperjelaskan mengenai penglibatan Encik Lukman bin Moidin dalam gerakan belia. Kajian yang bakal dijalankan juga adalah bertujuan untuk menggali maklumat yang lebih mendalam mengenai gerakan belia yang mana kini dapat diperhatikan kesedaran terhadap pentingnya semangat patriotisms dan pengetahuan tentang medium yang menjadi perantaraan golongan belia dengan masyarakat teramatlah tipis. Oleh yang demikian, pendekatan terhadap gerakan belia ini bakal dijalankan melalui beberapa prosedur seperti;

- **Sesi temu bual**

Satu sesi temu bual akan dijalankan mengikut tempat dan masa seperti yang disarankan oleh Encik Lukman Moidin berdasarkan kekosongan waktu yang beliau inginkan. Dalam sesi ini, segala pertanyaan yang menjadi persoalan akan diajukan mengikut kesesuaian waktu, emosi dan kepentingan beliau. Tidak lupa juga bahawa sepanjang sesi temu bual dijalankan, perbualan yang berlaku oleh kedua-dua pihak akan dirakamkan dan rakaman ini hendaklah dipersetujui oleh Encik Lukman Moidin untuk mengelakkan sebarang masalah yang mungkin berlaku kelak.

- **Pendekatan melalui media sosial**

Pendekatan melalui media sosial (Whatsapp) adalah bertujuan untuk mendekati Encik Lukman Moidin untuk menentukan masa dan tempat sesi temu bual yang akan berlangsung. Disamping itu juga, beberapa maklumat tambahan turut disampaikan melalui laman ini seperti gambar-gambar yang berkaitan dengan penglibatan beliau dalam aktiviti kemasyarakatan.

- **Maklumat melalui Internet**

Beberapa maklumat mengenai Encik Lukman turut diakses melalui Internet terutamanya dalam proses menyediakan soalan sebelum sesi temubual dijalankan. Persoalan yang timbul daripada maklumat tersebut dikemukakan kepada beliau untuk mendapatkan kepastian dan jawapan sebenar.

Tidak lupa juga mengenai sumber maklumat yang diperolehi seperti yang terpapar adalah melalui beberapa aspek iaitu:

- **Sumber maklumat utama**

Melalui Encik Lukman Moidin dalam mendapatkan maklumat tambahan dari beliau.

- **Sumber maklumat kedua**

Melalui orang kedua atau perantaraan yang mana diwakili oleh anak Encik Lukman Moidin sendiri iaitu Nur Alia binti Lukman.

- **Sumber maklumat ketiga**

Melalui laman sesawang yang merupakan alat untuk mendapatkan serba sedikit maklumat mengenai Encik Lukman Moidin.

TRANSKRIP TEMUBUAL

ama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
ama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

TRANSKRIP TEMUBUAL

Rakaman suara antara pelajar dan Encik Lukman Moidin telah direkodkan dimana ianya menceritakan tentang pengenalan diri dan pengalaman beliau sepanjang berkhidmat sebagai Penggerak Gerakan Belia. Rakaman ini telah direkod pada tarikh 1 Mei 2017, bertempat di pejabat beliau, Kompleks Pekan Selasa, Kuala Nerang Kedah dari jam 11.30 hingga 1.50 tengahari. Pengendalian wawancara ini telah dilakukan oleh Syatirah Abdul Ghani (SAG) dan Nurul Naqibah Ibrahim (NNI). Sebagai nota tambahan, wawancara ini telah dijalankan dalam beberapa dialek; Kedah, Kuala Lumpur dan Johor.

02:23 Rakaman 1

SAG : Haa [Ya], nak [mahu] mintak [minta] kebenaran Encik Lukman, sebab kami akan rekod benda ni [ini]--.

LM : Dalam, dalam ni [ini] la [lah]?

NNI : Voice record [rakaman suara] ja [sahaja] la [lah].

SAG : Sebab benda ni [ini] akan di - present [bentang] nanti, ada panel.

LM : Okay [Baiklah], apa yang boleh saya tolong, saya cuba.

SAG : Untuk yang - soalan yang pertama, kami nuk [hendak] mintak [minta] Encik Lukman cerita pasai [tentang] latar belakang Encik Lukman, dari mana, negeri mana, sekolah mana dulu--.

LM : Okay bulih [boleh]. Dah [sudah] rekod dah tu [itu]?

SAG & NNI : Ha (mengiyakan).

LM : Okay [Baiklah] saya, nama penuh saya, Lukman lah, Lukman Bin Moidin. L-U-K-M-A-N Orang selalu eja nama saya L-O-K, saya tak [tidak] suke [suka]. Nampak tak cantik disitu.

SAG : Saya ada tanya Alia jugak haritu [hari itu], L-U-K ka [kah] L-O-K,

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

LM : Ayah sapa [siapa]?

SAG : Ayah nama Abdul Ghani.

LM : *Dok* [asal/tinggal] sini?

SAG : *Dok* [asal/tinggal] Kubang Palas.

LM : Dia kenal saya?

SAG : Ohhh (sambil berfikir) saya *tak* [tidak] tanyalah *pulak* [pula], tapi tadi ada makcik, makcik mana *taktau* [tidak tahu], kami tanya jalan tadi, *depa* [mereka] panggil [Encik Lukman], Cikgu Lukman *kan* [bukan]?

LM : Ha yaaa (mengiyakan).

SAG : Kami tanya jalan, sebab saya keliru Kompleks Angsana dengan Kompleks Pekan Selasa. *Pastu* [selepas itu] tanya dia tadi - “*Kat mana* [dimana] Kompleks Pekan Selasa makcik?” *Pastu haa* [yaa], (sambil menunjuk jari kearah jalan yang betul) “Dekat sini” (sambil tunjuk arah) dia *mai* [datang] tunjuk jalan dekat kami. “*Nak* [mahu] jumpa *sapa* [siapa]?” dia kata, *pastu* [lepas itu] kata *kat* [pada] dia, “*Nak jumpak* [jumpa] Cikgu Lukma”. “Ohhh Cikgu Lukman yang *dok* [duduk] *kawan* [berkawan] dengan Cikgu Bazli” dia *kata* [katanya]. *Haa* dia kata macam *tu* [itu], kami *taktau* [tidak tahu] kan (sinis). Dia kata macam *tu*.

LM : Ohh *okay* [baiklah]... macam tadi, nama saya Lukman Bin Moidin. Saya asal dari Johor, Batu Pahat. Dilahirkan pada 19 haribulan 2 [Februari] tahun 70 [1970], anak *sulong* [pertama] dari 5 beradik.

SAG : Anak *sulong* [pertama]?

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

LM : Haa (mengiyakan) anak *sulong* [pertama]. Ayah saya seorang peniaga, kedai makan, roti canai, Kampung Seri Bengkal Batu Pahat. Sri Gading. *Mak* [emak] saya seorang suri rumah. Latar belakang persekolahan saya, saya bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Seri Bengkal.

NNI : **Seri Bengkal? (bertanya)**

LM : Yaa (mengiyakan), Sekolah Kebangsaan Seri Bengkal.

SAG : **Sekolah rendah *la* [iya]? (tanya)**

LM : Hah iye (mengiyakan) sekolah rendah. Kemudian naik Tingkatan Satu (1), satu minggu *kot* [mungkin], di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Seth Yong Peng.

SAG : **Hong Peng.**

LM & NNI : Yong Peng.

LM : Kemudian, selepas *tu* [itu] minggu yang kedua *tu*, saya *bertukar* [berpindah] sekolah ke Sekolah Menengah Kebangsaan Munsyi Sulaiman, Batu Pahat.

SAG : ***Sat* [sekejap] *jaa* [sahaja]? Seminggu *jaa*?**

LM : Haa (mengiyakan) seminggu. Sekolah yang kedua *tu* [itu], setahun saya duduk. Kampung saya *pendalaman* [pedalaman], saya kena menyeberangi sungai, naik sampan (untuk ke sekolah).

NNI : **Dekat belah Johor?**

LM : Jadi pada masa *tu* [itu] *takda* [tiada] - *takda* jambatan. *So* [jadi], saya duduk rumah *sedara* [saudara] saya. Setahun saya menumpang rumah *sedara*. Sebab hujung minggu baru saya balik kampung. Kemudian, Tingkatan Dua (2) dan Tiga (3) saya - bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Parit Haji Hasan. Sekarang nama sekolah *tu* Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gading.

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

SAG : Seri Gading, dulu Parit Haji Hassan?

LM : Parit Haji Hassan, kemudian selepas *tu* [itu] saya lulus SRP, naik Tingkatan Empat (4) dan Lima (5), (berfikir) masa *tu takda* [tidak ada] PMR, SRP. Saya naik Tingkatan Empat (4) dan Lima (5) bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kolam Ayer, Batu Pahat. Sekolah *tu* sekarang *dah* [sudah] tukar nama. Sekolah Menengah Dato' Syed Isa. Saya duduk di Asrama Pusat Jalan Kolam Ayer. Sebab *kampong* [kampung] saya jauh, jadi saya duduk asrama di Batu Pahat *tu*. *Situ* [di situ] saya mula terlibat, saya masa sekolah rendah saya *dah* pengawas *dah*.

SAG & NNI : Oooh

LM : Tingkatan Dua (2) Tiga (3) pun saya pengawas lagi. Kemudian masa saya duduk asrama, saya dilantik sebagai AJK asramalah. Kemudian habis Tingkatan Lima (5), kelulusan saya kalau dikira, *tak* [tidak] begitu memberansangkan, SPM saya agak teruk *jugak* [juga]. Sebab saya *failed* [gagal] Matematik, saya *failed* Sains, saya *failed* Bahasa Inggeris. Tiga (3) subjek saya *failed*. Kemudian saya *tak* dapat masuk Tingkatan Enam (6), saya *tak* layak kemana-mana. Saya, masa *tu* [itu], saya mohon IKM *tak silap* [tidak salah] saya. Sijil Kemahiran Mara. Dalam Bidang Kimpalan Laut. Dalam masa yang sama *jugak* [juga] saya mohon Tingkatan Enam (6). Tingkatan Enam (6) saya *tak* dapat. Kemudian saya cuba buat rayuan, atas penglibatan saya dalam kokurikulum masa *tu* terlibat dengan Pengerusi, *ade* [ada] jawatankuasa lain yang saya pegang *kat* [dekat] sekolah. Kemudian dapat masuk Tingkatan enam (6) panggilan kedua, panggilan kedua saya masuk *Form Six (6)* (Tingkatan 6), orang lain *dah* [sudah] belajar dua (2) bulan saya baru masuk. Peperiksaan saya yang STPM yang enam (6) rendah *tu* [itu], Tingkatan Enam (6) rendah *tu*, saya dapat result yang sangat-sangat teruk.

SAG : Yang *first result* [keputusan yang pertama]?

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

LM : Hujung. Sampai hujung tahun *tu* [itu], *result* [keputusan] yang teruk. Kemudian *Form Six* (6) [Tingkatan 6], *Upper Six* (6) [Tingkatan 6 atas] saya ambil STPM saya dapat empat (4) *principle* [gred]. Empat (4) *principle* [gred] tapi bukan *principle* [gred] yang *tough* [susah] sangat. Sebab saya bukan seorang yang rajin *tau* [tahu]. Saya bukan seorang yang [dari] kategori pelajar pandai.

SAG : Lepas *tu* [itu] masa STPM *tu* dia ada *courses - courses* [kursus-kursus] dia *jugak* [juga], Encik Lukman *ambik* [ambil] *course* [kursus] apa?

LM : Saya *ambik* [ambil] Ekonomi, Perdagangan aaa (sambil berfikir) Ekonomi, Geografi, Sejarah, Pengajian Am, Bahasa Melayu. Saya *failed* [gagal] "F" *tu* [itu] Ekonomi. Yang lain, saya dapat *four* [empat/4] *principle* [gred]. *Principle* C, boleh kira kata *principle*. Tapi saya suka ekonomi sebab saya, dengan Matematik, daripada dulu saya memang *tak* [tidak] boleh *nak* [mahu] *pi* [minat]. Lepas *tu* [selepas itu] - saya dapat *four* [empat/4] *Principle* *tu*, saya mohon Maktab Perguruan - saya dapat masuk ke Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim.

SAG : Sungai Petani?

LM : Aaa (mengiyakan) Sungai Petani. IPSAH. Saya buat sijil, dua (2) tahun disana. Dua (2) tahun setengah, buat Sijil Perguruan, kemudian saya *posting* [bertugas] di SK, Sekolah Kebangsaan Gelang Patah Johor Baru.

NNI : Balik [ke Johor]?

LM : Balik Johor. Balik Johor, bertugas di Sekolah Kebangsaan Gelang Patah, lebih kurang 93 (1993) saya *posting* [bertugas] disitu, 96 (1996) saya mohon satu program nama dia, Kursus Diploma Perguruan Khas--.

SAG : Kursus Diploma Perguruan Khas?

LM : Haa (mengiyakan) KDPK. Masa *tu* [itu] kerajaan *offer* [tawarkan] kepada

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

guru-guru yang ada sijil *ni* [ini], boleh *upgrade* [naik taraf] sijil, kepada diploma. *Jadik* [jadi] saya mohon KDPK, saya pergi *interview* [temuduga]. Hmm (sambil berfikir) saya baru - saya baru lepas sah jawatan. Biasanya orang mohon kursus *ni* dia mesti bertugas empat (4) - lima (5) tahun ke enam (6) tahun, saya baru sah jawatan, saya terus mohon. Masa saya mohon *tu*, memang saya *tak* [tidak] sah jawatan, tapi masa saya temuduga *tu*, saya *dah* [sudah] sah jawatan. *Jadik* saya yakinlah. Jadi saya *tak* bimbang untuk temuduga, sebab masa *interview* saya *dah* boleh tunjuk pengesahan jawatan. Kemudian, dia tengok saya *ni*, antara yang paling *mudalah* [muda] yang *interview*. Tapi, saya layak atas satu faktor. Saya masa saya dekat maktab, saya *dah* menulis artikel dalam surat khabar - saya banyak menulis.

NNI : Macam dalam kolum-kolum tu?

LM : Haa (mengiyakan) kolum-kolum. Saya banyak menulis surat pembaca. Haa [Ya] *tu* [itu] saya ada saya punya koleksi tulisan-tulisan saya dalam--.

SAG : Album *tu* [itu]?

LM : Album *tu* [itu]. ‘Seraut Kalam’. ‘Seraut Kalam’ *tu*. Itu sebahagian daripada koleksi yang saya tulis. Jadi, pada masa *tu*, saya *bawaklah* [bawa] apa yang saya tulis *tu*. Saya tunjuk, *and* [dan] dia kata banyak menulis apa semua, jadi mungkin sebab itu agaknya--.

SAG : Kelebihan.

LM : Kelebihan yang saya ada. Saya diterima masuk KDPK. Kursus KDPK, Kursus Diploma Perguruan Khas *tu* [itu] saya dapat kursus di IPDA, Jitra. Setahun.

NNI : IPDA?

LM : Ha (mengiyakan) di IPDA setahun. *So* [jadi], saya dapat KDPK setahun di IPDA buat Bimbingan dan Kaunseling. Sebab sebelum *tu* [itu], saya mengajar

nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

di SK Gelang Patah *tu*, saya guru Bahasa Melayu tapi saya *dimintak* [diminta] untuk mengajar Pendidikan Khas ataupun budak yang bermasalah pembelajaran, budak yang pemulihan. Budak yang lemah. Jadi *takda* [tiada] siapa cikgu yang *nak* [mahu] mengajar subjek *tu*. Saya orang baru, saya kena *ngajar* [mengajar]. Jadi saya *pon* [pun] macam *horinglah* [bosanlah]. Macam - Kita keluar *dahla* [sudahlah] *nak* yang - *nak best* [seronok] kan, *tetiba* [tiba-tiba] kena mengajar pemulihan. *So*, macam *boring boring boring* [bosan], sebab ada kursus *ni* [ini], saya *pon mintaklah* [mohon]. Sudah kursus - Saya *pon* [pun] nampak macam kaunseling *ni* macam *best je* [sahaja], saya *pon mintaklah* kaunseling, *pastu* [selepas itu] *dapatlah* [diterima] KDPK *tu*, saya *pon* kursuslah setahun. Setahun saya habis dekat IPDA.

NNI : Masa dekat IPDA *ni* [ini] tahun?

LM : 98 (1998). 97 (1997) ke 98 (1998) saya KDPK di IPDA.

SAG : Encik Lukman kena *mengajar* [mengajar] Kaunseling, *lepastu* [selepas itu], untuk pendidikan khas punya--.

LM : Saya *tak* [tidak] ajar Kaunseling, saya buat pemulihan.

SAG : Oh pemulihan, oh kiranya dekat IPSAH *tu* [itu] Encik Lukman *ambik* [ambil] *course* [kursus]--.

LM : *Tak tak tak* [tidak], saya *tak* amek *course* [kursus]. Saya *amek* [ambil] kursus Bahasa Melayu sahaja. Cuma bila saya *posting* [bertugas], cikgu pemulihan *takde* [tidak ada] dekat sekolah, *so* [jadi] *ade* [ada] budak yang *takleh* [tidak boleh] *baca* [membaca], ada budak yang lemah apa semua, *takda* cikgu yang *nak* [mahu] *ambik* [ambil] budak-budak *ni* [ini], jadi saya *dimintaklah* [diminta] untuk *ambik* budak-budak *ni*. Untuk saya ajar - *bacalah* [membaca], ABC apa semua. *So* [jadi], saya *buatlah* [buat] kelas *tu* [itu]. *Takde*. *So*, kelas *tu*, kira saya yang mulakan program *tu*. Saya dihantar berkursus masa *tu*, ada kursus. Kursus pemulihan khas *tak* silap saya. Saya *tak* ingat. Ada dua (2)

ama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syairah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

kursus saya *pegi* [pergi]. Bila saya *dah* pergi kursus *tu*, balik, saya kena *handle* [uruskan] budak-budak *ni* [ini], dengan *takde* pengalaman, saya kena mengajar budak-budak pemulihan khas. *So*, saya jadi macam, terkejutlah. [12.28] saya *cubalah* [cuba] *nak* keluar. Saya *nak* keluar dari situ, saya *dapatlah* [dapat] KDPK *tu*. *So*, saya *pergilah* [pergi] kursus kaunseling *tu*. *Dapatlah* setahun dekat IPDA.

NNI : ***Lepastu* [selepas itu], dari *situlah* [situ] yang Encik Lukman *start* [mula] bergiat dengan--.**

LM : Oh *tak* [tidak] lagi, saya kursus KDPK setahun, lepas habis setahun. Hampir *nak* [hendak] habis setahun *tu* [itu], kami yang berkursus KDPK *ni* [ini] secara *automatic* [automatik] akan ditawarkan sambung pengajian. Untuk buat ijazah. Ada yang ditawarkan di UKM, UPM, UPSI - masa *tu* UPSI baru *bukak* [buka], dan universiti *lainlah* [lain-lain], macam kerajaan *sponsor scholarship* [menaja biasiswa] kita, untuk sambung belajar buat ijazah. Tapi, dengan gaji separuh. Jadi saya *ni* antara orang yang tidak berminat untuk sambung belajar, ke peringkat ijazah. Kerana faktor kewangan. Jadi saya fikir, saya rasa, *biarlah* [biar] orang lain sambung belajar - saya *pon* [pun] buat *suratlah* [surat]. *Nak* tolak tawaran *tu*. *Sehinggalah* [sehingga] masa *tu*, saya dapat satu *klu* [petunjuk] daripada seorang- yang bagi saya satu inspirasi, dia kata *kat* [pada] saya, orang *ni* umur *dah* [sudah] 80 lebih, dia kata, “Peluang akan datang sekali *je* [sahaja] dalam hidup kita. Dia *takkan* [tidak akan] lalu dua (2) kali”. “Duit boleh cari.” Sebab saya *taknak* [tidak mahu] belajar *tu* sebab saya ada hutang kereta. Kalau saya gaji separuh, kereta saya RM400 lebih *dah* [sudah] *nak* *kene* [kena] bayar. Gaji saya *pon* [pun] akan jadi separuh. RM400 lebih, saya *nak* bayar dengan apa? Jadi, banyak benda yang saya fikir, masa *tu* *dah* berkeluarga *dah* ada anak *sorang* [seorang], dua orang *dah* ada anak dua (2) orang, *jadik* [jadi] saya macam - *taknak* sambunglah. *Ni* saya *dah* buat suratlah, saya *dah* buat surat, saya *nak* masuk *dah* surat *tu* dalam peti pos Kuala Nerang, saya *dah* hampir *nak* masuk surat *tu*, *pastu* [selepas itu] saya *tak* jadi - *tak* jadi - kemudian saya balik Johor jumpa *mak* [emak] saya. Masa

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

tu anak saya yang *sulung* [pertama], Alia *tu*, baru berapa tahun *je*. Saya *hawak* [bawa] balik Alia masa *tu*. Ke Johor. *Haa* [Yaa] - hmmm (sambil berfikir) saya *nak* lapor diri sebenarnya. Saya *nak* [hendak] lapor diri kat sekolah lama saya Gelang Patah. Jadi saya *nak* tinggalkan Alia dekat rumah *mak* saya sekejap, saya *nak* pergi Gelang Patah, lapor diri. *Jadik*, dalam masa *tu*, *mak* saya *pon* cakap benda yang sama. *Mak* saya kata, “Pergilah” dia kata “Masalah duit *ni*, InsyaAllah akan ada”. Akan boleh cari. Jadi saya *pon tak* jadi *pegi* [pergi] Sekolah Gelang Patah *tu*. *Patutnya* [sepatutnya] kalau saya lapor diri *tu*, saya akan terus, *tak* sambung belajar. Jadi saya buat keputusan, saya *kona* [patah] balik, saya *ambik* [ambil] Alia, saya *talipon* [telefon] *anak menakan* [anak saudara] saya disini, suruh turun KL, saya *pon* daripada Johor, turun KL, jumpa *kat* [dekat] Puduraya, saya serah Alia dekat dia, dia *hawak* balik Alia ke sini, saya terus lapor diri ke UPSI. *So*, itulah sejarah saya buat ijazah dengan kawan-kawan saya tengok saya, “Kata kau tanak sambung belajar, *tetibe* [tiba-tiba] *kau* [engkau] datang”, saya *takleh* [tidak boleh] nak jawab apa apalah.

NNI : **Ye la (mengiyakan), last minit [hujung waktu] punya ni [ini].**

LM : *Last minit* [hujung waktu] punya *ni* [ini], Allah tentukan, kemudian saya sambung buat ijazah, dua (2) tahun *kat* [dekat] sana, *kat* [dekat] UPSI, grad lah grad, Bimbingan Kaunseling, dapat Ijazah Bimbingan Kaunseling dua (2) tahun, *pastu* [selepas itu] saya *posting* [bertugas] ke SMK Kuala Nerang, saya-

SAG : **Oooo first [pertama] SMK Kuala Nerang la [lah]?**

LM : *Second* [kedua].

NNI : **Second [kedua], sebab first [pertama] Gelang Patah.**

LM : *Haa* [Yaa] Gelang Patah. Sekolah kedua saya, sekolah *ni* [ini] lah (sambil menunjuk arah ke SMK Kuala Nerang) di SMK Kuala Nerang Masa *tu* [itu]

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

sekolah *tu tak* [tidak] ada lagi - Dia menumpang di Tunku Abdul Rahman Putra. Sesi petang. Sekolah *tu bukak* [buka], jadi saya *pon* [pun] sampai disitu, mengajar disitu - Saya mengajar petang, *so* [jadi], pagi saya akan buat *part-time* [kerja separuh masa], buat roti canai, dekat sekolah *tu*. *Haa tu* business [perniagaan] sayalah. Masa dekat UPSI *pon* saya meniaga [berniaga]. Saya buat macam-macam. Saya jual *keychain* [rantai kunci], saya jual *sticker* [pelekat] kereta. *Keychain* UPSI dan *sticker* kereta UPSI, yang ada logo *tu*, adalah orang pertama yang buat saya. *Sticker* kereta, yang *diorang* [mereka] buat universiti-universiti *tu kan* (bukan)? Saya orang pertama yang buat untuk Universiti Pendidikan Sultan Idris - Dan keluar *je* [sahaja] logo *tu* saya terus tempah, saya jual. Memang *sale* [jualan] gila-gila. Memang saya kepala *business* [berniaga]. *Okey* [baiklah] bila saya *posting* [bertugas] disini, saya mengajar petang, pagi saya *taktau* [tidak tahu] buat apa-apa, *so, part time* saya adalah buat roti canai. Sehari saya akan buat empat 4 kilo, tebar *kat* [dekat] sekolah *tiap-tiap* [setiap] pagi saya balik, kemas kemas kemas kemas--. Saya beli *tv* [televisyen].

SAG : Aset lah?

LM : *Haa* [Ya] sebab *tu* [itu] lah, saya pun fikir apa *nak* [hendak] buat pagi, *horingkan* [bosan]. Janji, ada satu benda yang saya boleh buat, boleh tambah *income* [pendapatan], *lepas* [selepas itu], *dah* [sudah] hampir tiga (3) tahun dekat sekolah *tu*, 2005, *no* [bukan], 2000. Lima (5) tahun dekat sekolah *tu*. Masa dekat sekolah *tu*, saya berminat dengan bidang kepolisian. Saya memang minat *nak* masuk polis. Saya memang *nak, admire* [minat] saya memang minat polis *tau* [tahu]. Bukan perguruan. Tapi saya *tak* [tidak] dapat capai impian saya masa saya bersekolah. Habis sekolah *tu* ada dua (2), ada beberapa faktor yang [menyebabkan] saya *tak*, yang saya *tak* boleh masuk polis. Kalau saya boleh cakup, faktor *tu* adalah faktor kecacatan. Jadi saya *tak* boleh masuk dalam bidang polis. Sebab kalau, kalau *diorang* [mereka] buat pemeriksaan rapi, memang saya akan gagallah. Jadi saya pun fikir, masa *tu* akademik saya *pun* mungkin *tak* begitu baik, jadi saya *tak* mohon - kemudian *hila* [apabila]

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

saya *dah* masuk dalam - Emm (sambil berfikir), bidang perguruan, masa *tu* ada tawaran untuk orang yang berminat dengan kesukarelaan, sukarelawan polis. *Ha so* [jadi], saya pun *apply* [mohon] lah sukarelawan polis, saya *pun* dapatlah. Masa *tu* saya dapat masuk pasukan PVR Kota Setar. Padang Terap *tadek* [tiada] lagi masa *tu*.

NNI : BBR? (bertanya)

LM : PVR. Police Volunteer Reserve. Pasukan simpanan Reserve.

NNI : PVR.

LM : Pasukan simpanan polis. Ha [Ya]. Jadi saya masuk pasukan *tu* [itu], PVR *tu* - kursus enam (6) bulan. Macam mana anggota biasa berkursus, macam *tu* lah saya berkursus. Dia latih kawad, memang *training* [latihan] agak teruk lah--.

NI : Macam polis?.

LM : *Huu* [Ya] macam polis. *Huu* macam saya kata tadi, *training* [latihan] tiap-tiap petang. Saya akan *mintak* [minta] kebenaran daripada pentadbir saya, pengetua. Pukul 3.30 pukul 4 saya akan *shoot* [bergerak] *pegi* [pergi] Alor Setar. *So* [jadi], saya akan *train* [berlatih], *training* sampai pukul 7. Tiap-tiap hari tiga (3) jam, tiga jam (3) dengan kawad, kawad apa semua. Saya yang paling teruk sekali kawad. Saya memang *tak* [tidak] pandai kawad. Dalam sepanjang saya bersekolah saya memang *tak* pernah kawad. Di situlah saya belajar untuk belajar kawad, dan dikalangan yang ada disitu, saya *sorang* [seorang] *ja* [sahaja] yang ada *graduate* [mempunyai kelulusan akademik]. Yang *graduate*. Yang lain semua SPM apa semua. *So* [Jadi] saya rasa macam, saya dapat ilmu yang *takda* [tiada] kat luar.

N. I : Maksudnya waktu bekerja?.

LM : Waktu bekerja. Waktu bekerja, satu (1), saya dapat pengalaman untuk merasa bagaimana kita *ni* [ini], kita kena akur pada orang pangkat dia, maknanya

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama pencembual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

kelulusan dia lebih rendah daripada kita. Tapi dia adalah ketua kita. Kem komanden *tu* [itu], platun *tu*, yang bagi arahan *tu*, dia - dia tersangat tegas. Tapi masa *tu* lah kita belajar untuk buang ego, buang sifat dalam diri kita yang kita *ni* hebatlah apa semua. *So* [jadi], saya belajar *kat* [dekat] situ. Rupanya, bidang ketenteraan dan kepolisian *ni* adalah satu (1) bidang yang mengajar kita satu (1) disiplin diri, yang *tak* [tidak] ada *kat* luar. *Kat* situ saya belajar. Habis sesi PVR *tu* saya *pon* [pun] tamat latihan, dapat jadi PVR, bertugas di IPD Kota Setar. *So*, tugas saya mamlah. Malam pukul tujuh (7) malam sampai pukul sebelas (11) malam. Lepas *herapa* [beberapa] bulan, saya dapat tawaran, saya *apply* [mohon] *Master* [Ijazah Sarjana]. Dapat. Dapat sambung *Master*. Secara cuti tanpa - cuti bergaji penuh. *So* saya cuti 2005 sampai 2008 untuk sambung *Master* saya di Universiti Malaya. *So* saya *resign* [letak jawatan] daripada PVR. Saya letak jawatan daripada pasukan polis. Kemudian saya buat *Master* sampai tahun 2008, *posting* [bertugas] semula di SMK Kuala Nerang, semula. Saya *mintak* [minta]. Saya dapat tawaran pergi ke IPDA sebagai pensyarah. Tapi saya tolak - saya *mintak* masuk bawah sekolah balik. *So*, saya *mintak* masuk SMK Kuala Nerang balik - 2008 saya masuk SMK Kuala Nerang, sekolah baru *tu*. Siap sekolah *tu* - saya bertugas di sana, 2008 - kemudian sampailah --. Saya bertugas petang. *So* pagi saya ada *business* [berniaga] sikit, sambil-sambil saya buat meniaga. Tapi bukan roti canai lagilah. Buat benda lain. Emm (berfikir) sampai 2014 lah saya *kat* sekolah *tu*. Masa *tu* saya dapat PhD sebab 2013 saya mohon PhD. Di Universiti Utara Malaysia. Saya dapat tempat di UUM - tapi saya tolak. Atas faktor - atas sebab-sebab tertentulah - saya *tak* sambung PhD lagi masa *tu*, tapi tempat *dah* [sudah] dapat. Sebab saya *nak* [mahu] cabar diri saya, saya kata, saya layak *tak amek* [ambil] PhD dengan result saya yang teruk, SPM *tu*. Akhirnya saya dapatlah. Surat tawaran *pon* ada, *taktau* [tidak tahu], tapi saya simpan. Jadi saya dapat PhD saya rasa, oh *okeylah* [baiklah], boleh sambung semua. Saya macam *tak* bersedia lagi untuk sambung PhD.

SAG : ***Lepastu* [selepas itu] sekarang - *dah* [sudah] ada kelulusan PhD *ka* [kah]**

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

***cemana* |macam mana|?**

LM : Sekarang *tak* [tidak], saya dalam *Master* [Ijazah Sarjana] lagi. Saya *tak* sambung PhD *tu* [itu] sebab saya *tak* daftar. Tapi mungkin, dalam hati saya memang ada teringin *gak* [juga] *nak* [hendak] sambung PhD.

NNI : **Tapi masa *apply* |mohon| *tu* |itu| dapatlah?**

LM : Dapat, memang saya dapat tempat untuk sambung PhD. Mungkin - *taktaulah* [tidak tahu]. Kalau tahun *ni* [ini] memang saya kena, salah satu impian saya memang saya *nak* [hendak] sambung PhD. Berminatlah tapi bukan untuk kerjaya saya. Bukan untuk dalam bidang kerja saya *nak* naik pangkat *ke* [kah] apa *tak* ada. Sebab saya punya *aim* [tujuan] dalam kerja, saya *nak* kerja seronok *je* [sahaja]. Saya *takde* [tidak ada]. *Tak*, kalau saya *nak* masuk, *nak* capai, kalau saya *nak* pergi jauh mungkin saya *dah* [sudah] *ambik* [ambil] *lecturer* [pensyarah] *haritu* [hati itu] *kan* [bukan]?

SAG & NNI : **(Mengiyakan).**

LM : Saya *nak* [hendak] duduk, saya punya impian dulu, kalau saya cerita pasal impian saya dulu, hanya *nak* jadi kaunselor - biasa - sampai saya bersara. Itu *je* [sahaja] impian saya.

SAG : **Jadi, prinsip Encik Lukman *ni* |ini| macam - *nak* |mahu| yang sedang-sedang--.**

LM : Biasa-biasa *je* [sahaja] cukup.

SAG & NNI : **(Mengiyakan).**

LM : Lepas *tu* [itu], masa saya di, di SMK Kuala Nerang *tu* la, *dah* [sudah] lepas saya buat PVR, lepas habis *Master* [Ijazah Sarjana] *tu*, 2008, baru saya terlibat dengan belia. *Memula* [mula-mula] saya terlibat dengan belia, masa dekat *kampong* [kampung] sayalah. *Kampong* yang saya duduk *tu*, *Kampong* Padang Setul, *kampong* isteri saya. Lepastu [selepas itu], persatuan belia *nak* [hendak]

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

tubuh dekat situ, *takdek* [tidak ada] orang *nak* pegang SU, saya buat jadi SU, *lepas tu*, saya *pon* [pun] gerakkan pertubuhan *tu*. Kemudian, pertubuhan *tu*, - Pengerusi dia *dah* habis tempoh, saya ambik [ambil] alih Pengerusi, dan pada tahun berkenaan, 2008 *tu*, ada satu penilaian untuk Pertubuhan Belia peringkat Negeri Kedah, jadi pertubuhan saya *ni* [ini] dipilih untuk ditemuduga. Dan pertubuhan *ni* dapat tempat, Pertubuhan Perdana, kedua dalam Negeri Kedah. Tempat kedualah, Pertubuhan Belia yang aktif dalam Negeri Kedah. Dan dalam masa yang sama *jugak* [juga], saya ditawarkan, dicalonkan untuk Tokoh Belia. *So* [jadi], 2009 saya dapat Tokoh Belia. Tapi masa *tu* 2006 *tu* saya *dah* [sudah] buat di GPMS Kedah. Saya *dimintak* [diminta], 2006, 2007 saya *dah* mula gerakan GPMS Kedah. GPMS Kedah *ni* dia sebenarnya ada *tau* [tahu], cuma - dia *takde* [tiada]- *Apatu?* [apa itu?] dia nama *je* ada tapi dia *takde* dalam--.

NNI : *Tak* [tidak] bergerak?

LM : *Tak* [tidak] bergerak. *Tak* didaftar ROS apa semua *takde* [tiada]. Kemudian saya *dimintak* [diminta] oleh seorang tokoh politik, untuk hidupkan balik GPMS *ni* [ini]. Saya *pon* [pun] daftarlah, dengan seorang kawan saya, Pengerusi masa *tu* [itu], Tuan Haji Mazlan. Dia Pengerusi, saya Pengerusi - Setiausaha Penaja. Kita daftar GPMS, gerakkan GPMS, cari ahli, buat cawangan-cawangan seluruh negeri Kedah kemudian akhirnya GPMS bernyawalah. Hebat - gah dan setelah itu, 2009, 2009, (sambil berfikir) 2010. 2010 saya letak jawatan. Saya letak jawatan *eh* [ya]. Saya letak jawatan. Masa *tu* saya letak jawatan sebagai Naib Pengerusi GPMS Kedah. Saya *resign* [letak jawatan] daripada GPMS kerana faktor dalaman GPMS ketika *tu* dipegang oleh seorang yang tidak menyenangkan kamilah. *So* [jadi] saya *resign*. Saya letak jawatan kemudian saya tinggalkan GPMS. *Tak* berapa lama lepas *tu*, orang yang berkenaan *pon* telah *dimintak* untuk berhenti daripada GPMS. Saya *dimintak* untuk ambil alih jawatan sebagai Pengerusi GPMS Kedah. Saya *taknak* [tidak mahu]. Saya kata, “Saya *taknak* terlibat lagi, saya cuma *nak* [hendak] membantu dekat luar”. Kemudian saya calonkan seorang sahabat

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

saya, sekarang *ni* dia Pengerusi GPMS. Tuan Haji Samsul Bahar.

NNI : Tuan Haji Samsul Bahar?

LM : *Haa* [Ya], Tuan Haji Samsul Bahar sebagai Pengerusi GPMS, saya hanya membantu dan dia lantik saya sebagai Panel Pemikir dalam GPMS Kedah. Bersama dengan Naib Canselor UUM. Dato' professor Mustapha Ishak. Sebagai panel. Saya panel, dia panel, kemudian ada beberapa lagi tokoh-tokoh yang hebatlah. Saya hanya cikgu biasa *saje* [sahaja].

SAG & NNI : (Mengiyakan).

LM : *So* [jadi], saya dapat sumbang sikit untuk bantu GPMS, kemudian dilantik *jugak* [juga] duta, Duta Pendidikan GPMS Kedah. Kemudian dalam polis *tu* [itu], yang masa saya terlibat *tu* - lepas saya letak jawatan dalam PVR, saya sambung belajar. Bila saya sambung belajar, saya balik semula ke sekolah. PVR *offer* [tawarkan] saya untuk *ambik* [ambil] tempat di Padang Terap *ni* [ini]. Sebab *diorang* [mereka] *nak* [hendak] tubuhkan (sambil berfikir) *apeni* [apa ini] - PVR baru disini. Tapi, saya rasa macam *tak* [tidak] berapa *nak* selesa sebab masa yang kena terlibat *tu* agak panjang, *so* saya *tak*, saya *tak* berminat. Tapi saya teruskan tugas saya dengan tubuhkan Kadet Polis Sekolah.

SAG : Kadet Polis Sekolah?.

LM : Kadet Polis Sekolah. Jadi Kadet Polis Sekolah Kuala Nerang masa *tu* [itu], saya dengan Cikgu Zainol, seorang kawan saya. Tubuhkan. Dan kadet Polis *tu* aktiflah. Sangat-sangat aktif. Dua (2) tahun saya dapat anugerah dalam peringkat kokurikulum sekolah. Pasukan Unit Beruniform Paling Aktif. Kemudian nama saya dicalonkan oleh PP, *eh* [bukan] IPD untuk satu (1) anugerah. Iaitu Johan Juara Penuh Disiplin Pegawai Kanan Kor Kadet Polis. Dengan *herapa* [beberapa] orang Pegawai-pegawai Kanan Kadet Polis seluruh Negeri Kedah. Saya antara yang tercalon dan ditemuduga di Alor Setar. Jadi,

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

dalam temuduga *tu*, saya dipilih sebagai Johan Juara Penuh Disiplin. Anugerah daripada Bukit Aman. Sebab *tu* - saya kata, itu anugerah yang paling bermakna sebab saya cita-cita saya *nak* [mahu] jadi polis. Saya *tak* [tidak] layak *nak* [mahu] jadi polis. Saya *tak* layak kerana apa, faktor fizikal saya. Tangan saya *tak* cukup tegak untuk pegang senjata. Dia memang ada syarat dia masa *tu*.

NNI : Syarat dia untuk masuk?

LM : Syarat dia mesti kena tegak. Saya *tak* [tidak] boleh masuk tapi saya dapat anugerah *ni* [ini]. Kemudian saya rasa sangat istimewalah. Sebab--.

SAG : **Kita *dah* [sudah] *tau* [tahu] *tak* [tidak] boleh, tapi kita dapat.**

LM : Tapi kita dapat *kan* [bukan]. Itu sebabkan saya rasa seronok *dah* [sudah]- Apa - Anugerah *tu* [itu] lah. *Lepastu* [Selepas itu], sampailah saya keluar dari sekolah *tu* 2014 lah. Saya tinggalkan sekolah *tu*. Jadi *lepas* saya *tak* [tidak] pegang *dah* [sudah] Kadet Polis *dah*.

SAG : **Keluar sekolah ke yang--.**

LM : Saya, saya saya berenti - *Eh* [Bukan] saya pindah. Daripada SMK Kuala Nerang, saya bertukar ke SMK Alor Merah. Setahun disana.

N. I : **Alor Merah? (bertanya).**

LM : Alor Merah. Setahun. Saya bertugas di SMK Kuala Nerang daripada 2000. Tahun 2000 sampai 2014. 14 tahun *kat* [dekat] sana. Kemudian, 2015 saya pergi ke SMK Alor Merah. Setahun dekat sana. Kemudian saya tukar bidang. Saya dapat bidang pendidikan khas. Yang dulu saya *tak* [tidak] suka *tu* [itu] - Saya *tak* suka pemulihan - saya *tak* suka, apa - akhirnya saya dapat peluang untuk tukar - *transfer* [tukar] balik ke bidang yang saya pernah masuk *tu*. Saya tukar ke SMK Jabi. 2016, saya jadi guru pendidikan khaslah SMK Alor Merah di SMK Jabi sekarang. Sampai sekaranglah. *So* [jadi], saya *dah* [sudah] letak jawatan saya sebagai kaunselor di Sekolah Menengah Kebangsaan. *Last*

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

[akhir] sekali di Alor Merah *tu* lah sebagai kaunselor. Jawatan saya terakhir, kaunselor. *Ha* [Ya] itulah, dari segi kerjaya saya lah.

SAG : *Okay* [baiklah], *mintak maaf nak* [hendak] tanya, tadikan Encik Lukman cakap pasal *time* [masa] *Master* [Ijazah Sarjana] yang kata dari 2005-2008 *kan* [bukan], masa *tu* [itu] jugak Encik *ambik* [ambil] kaunseling?

LM : *Tak* [tidak] masa *tu* [itu] saya *ambik* [ambil] Psikologi.

SAG & NNI : Oh Psikologi (sambil mengangguk).

LM : Psikologi Pendidikan. Sarjana - Ijazah Sarjana Pendidikan.

SAG : *Lepastu* [Selepas itu] - *Masa tu* [itu] pindah ke sana *ke* [kah]?

LM : Memang saya *fulltime* [sepenuh masa]. *Fulltime ni* [ini] maknanya kita cuti. *Tak* [tidak] bekerja, kerajaan bagi kita gaji penuh, kerajaan bagi kita elaun sebulan lima ratus (500), tapi kuliah saya hanya hari Rabu Khamis, Jumaat *je* [sahaja]. Tiga (3) hari *je*.

NNI : *Pastu* [Selepas itu] *masa tu* [itu], dengan *family* [keluarga] pindah *sana* [ke sana]?

LM : *Tak* [tidak] *tak*, saya *sorang* [seorang] *je* [sahaja].

NNI : Dekat sana?

LM : Saya duduk rumah anak sepupu. *Eh* [bukan] anak *sedara* [saudara] saya. Hujung minggu saya pergilah. Tiga (3) hari *je* [sahaja] saya dekat sana. Hari lain semua saya dekat sini.

SAG & NNI : Ooh (sambil mengangguk).

LM : Jadi, saya buat secara *fulltime* [sepenuh masa], tapi masa saya banyak disini daripada disana. Sebab dia lebih kepada--.

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

NNI : Berulang.

LM : Hmm (mengangguk) berulanglah.

SAG : *Lepastu* [Selepas itu], masa Encik Lukman daftar dengan Police Volunteer Reserve *eh* [ya]? (Encik Lukman mengiyakan) Masa *tu* [itu], Encik Lukman cakap pagi buat keja lain petang dengan sekolah, lepas *tu* baru Encik Lukman daftar dengan PVR *ni* [ini] *kan* [bukan]? (Encik Lukman mengiyakan) lepas *tu* yang kata, pindah *pi* [pergi] dapat *offer* [tawaran] dekat IPD Kota Setar *tu*, Encik Lukman *berenti* [berhenti] *lagi tak* [atau tidak] dekat--.

LM : *Tak tak tak* [tidak]. Pasukan sukarelawan ini adalah pasukan yang *dibukak* [dibuka] untuk penjawat awam atau *sape* [sesiapa] *saje* [sahaja]. Dia bukan kerja tetap, dia sambilan. Maksudnya kita membantulah secara sukarela. Jadi kerja kita, kita *tak* [tidak] tinggal. Macam saya, contohlah, masa kebetulan saya bertugas petang, jadi masa latihan, memang saya *tak* boleh elak, saya kena pergi latihan enam bulan tu. Enam (6) bulan *tu* [itu] saya kena pergi latihan jadi sekolah berikan saya kelonggaran. Pukul tiga (3) lebih *tu* saya *dah* [sudah] boleh keluar daripada sekolah. Tiga (3) – empat (4) petang tapi dia bukan *tiap-tiap* [setiap] hari. *Tak* silap saya hari Selasa, Rabu, Khamis. Jadi pengetua saya bagi kelonggaran saya pergi *training* [latihan]. *Training* selama enam (6) bulan. Kerja saya tetap saya buat jugak.

SAG : Maksudnya, pagi roti canai, petang buat *part-time* [kerja sambilan] petang *pi* [pergi] sekolah *lepastu* [selepas itu] lepas pada *pi* sekolah *tu* [itu] pergi PVR?

NNI : Dalam tempoh 6 bulan tu?

LM : Dalam tempoh 6 bulan. Ha [Ya] (mengiyakan).

NNI : Penuh jadual.

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

LM : Sekarang pun penuh. Sampai sekarang dari pagi sampai malam.

SAG : **Okay [Baiklah] kalau sekarang umur Encik Luqman berapa kalau nak [hendak] capai dari awai [awal] Encik Lukman aktif? Maksudnya dari SPM?**

LM : Saya *ni* [ini] kalau saya tanya pasal aktif *ni*, saya suka buat sesuatu yang - yang mencabar. Saya suka *pikir* [fikir], buat sesuatu yang menyeronokkan saya daripada dulu. Kebetulan *kat* [dekat] saya *kampong* [kampung] saya *kai* Seri Bengkal *tu* [itu] - orang Johor *ni*, dia ada satu - macam mana *nak* [hendak] kata? (Sambil berfikir) dalam *kampong* diorang [mereka] memang ada macam-macam pertubuhan. Pertubuhan kompong ada, pertubuhan silat ada (mengiyakan). Jadi kami *ni*, *kampong* saya *ni* - kalau, kalau kata remaja *ni* kita ada kelab silat. Jadi selalunyalah, memang akan ada aktiviti. Jadi saya *dah* [sudah] biasa tau dengan kelompok-kelompok pertubuhan *ni*. Termasuk *geng* [kumpulan] motor pun ada *jugak* [juga] *kan* [bukan], *geng* motor haram pun ada *jugak* masa *tu*. Tapi penglibatan dalam masyarakat memang, memang kami *ni* macam terla-- . Terbentuk dalam persekitaran untuk terlibat dengan kemasyarakatan. Itu memang orang Johor. Itu Johor. *Lepastu* [selepas itu], *bila* [apabila] saya datang Kedah, ada sesuatu yang pelik yang saya nampak *kat* [dekat] sini. Sebab disini, dia punya karakter masyarakat dia, adalah--.

NNI : **Masing-masing buat hal--.**

LM : Masing-masing buat hal masing-masing. Kemudian pasif sangat. Sangat pasif.

SAG : **Mandom [perlahan].**

LM : *Haa* [Ya]. Itu ayat yang saya nak cakap! Saya bukan - Ini yang saya cakap, orang Kedah pun cakap benda yang sama.

SAG : **Betui [Betul] (mengiyakan).**

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

LM : Dia *takda* [tiada] satu budaya untuk me - Membangunkan masyarakat secara bersama. Kalau orang *tu* [itu] *nak* [hendak] buat, mungkin *tak* [tidak] dapat sokongan orang lain (mengiyakan). Orang *dok* [duduk] tikam belakang lagi *ade* [ada] (mengiyakan). Itu budaya disini. Ya, tapi *tak* semua - Tapi saya ada (sambil berfikir) - Syukur *la* [lah] bila saya tubuh pertubuhan belia dekat kampung saya *tu*, *support* [sokongan] dia kuat, itu hebatnya. Bila kita *nak* buat sesuatu memang ada cabaran. Tapi sokongan pun ramai jugak, bila kita *nak* buat. Jadi mungkin bila lepas habis sekolah kemudian saya masuk universiti, saya dekat universiti pun saya adalah Pengerusi Biro Penerbitan. *Batch* [tahun] kami *tu* di UPSI. *So* [jadi], saya - Saya antara orang yang gerakkan, tubuhkan majalah universiti.

SAG : **Majalah?**

LM : Majalah universiti untuk *first* [pertama] dalam UPSI yang buat majalah untuk - Untuk pelajar-pelajar mahasiswa dia. *Kitorang* [kami] ada satu (1) macam kita panggil satu kenangan. *Korang* [kamu semua] punya sekolah ada Bakti apa semua *tu* [itu] (mengiyakan)? Kami di UPSI - Saya yang buat masa *tu*. *So* [jadi], masa *tu* saya *dah* [sudah] menulis dalam artikel, dalam surat khabar - *Dah* banyak *dah*. Jadi saya suka menulis. *Bila* [apabila] saya suka menulis - Saya buatlah majalah *tu* kan. Buku *tu* nama dia Kasih, *so* kita himpulkan semua kawan-kawan dalam UPSI *tu* dalam satu majalah untuk kenangan-kenangan. Kemudian *bila* saya keluar daripada situ pun, saya masih lagi menulis. *Lepastu* [selepas itu] bila terlibat *balik* [semula] *sini* [disini] pun, dalam masyarakat dengan pertubuhan *tu* (mengiyakan). *So*, dia macam *satu* [suatu], *satu* benda yang didorongkan kepada saya. Ada orang datang jumpa saya tolong buat pertubuhan *ni* [ini]. Orang *ni* percaya *kat* [dekat] saya. Bagi saya tanggungjawab untuk buat di Kedah. *So*, dekat situ mungkin saya nampak “*Ini yang kata kerja Allah - La kot* [mungkinlah]” Bukan kerja Allah *kot* [mungkin] - Memang kerja Allah *tu kan* [bukan]. Sebab kita minat, kalau kita *nak* sangat-sangat benda *tu* - Dia akan datang dengan mudah.

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama pemucual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

SAG : *Okay* [baiklah], *pastu* [selepas itu], *nak* [mahu] tanya, apa ni - Bila Encik Lukman *start* [mula] ada - *Start* menempuhi alam perkahwinan, *start* ada anak--.

NNI : Sebab dari cerita *tu* [itu] pasal belajar, pasal *start* [mula] terlibat dengan - Apa - dengan persatuan apa semua ini yang--.

LM : Keluarga - *Okey* [Baiklah], saya berumahtangga pada 2 Jun 1994, berkeluarga *start* [bermula] tahun--.

SAG : Masa *tu* [itu] Encik Lukman baru lepas SPM?

LM : *Tak tak tak tak* [tidak]. Saya *dah* [sudah] pegang tugas sebagai cikgu. *Posting* [bertugas] di Gelang Patah 93 (1993). 94 (1994) saya berumahtangga (batuk) dengan orang sini - orang Kuala Nerang. Isteri saya--.

NNI : Apa Noriah?

LM : Kama, Kama Noriah. (Mengiyakan). Kemudian anak pertama saya tahun 95 (1995), dapat yang pertama. Alia, Nur Alia. *Pastu* [selepas itu] anak yang kedua, Lina Khalida, 96 (1996), kemudian Mohd Naufal, 98 (1998) ketika saya *nak* [hendak] pergi lapor diri ke UPSI. Dia dalam pantang lagi Mohd Naufal. Anak yang ketiga (3). Dan anak yang keempat (4) dan kelima (5), kembar, lahir tahun 2003. Siti Fatimah Najla dengan Siti Fatimah Zuhra. Itu, dari segi keluarga.

SAG : Enam (6) orang lah? Enam (6) orang?

LM : Lima (5), lima (5) orang.

SAG : *So* [jadi], memang sekarang *ni* [ini] Encik Lukman menetap dekat sini?

LM : Saya sekarang saya macam memang *dah* [sudah] menetap di Kedah. Jadi orang Kedah.

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

SAG : Encik Lukman rumah dekat mana? Yang dekat rumah taman *ni* [ini] *ka* [kah], *dah* [sudah] pindah *pi* [pergi] Pedu?

LM : Pindah di Pedu *dah* [sudah]. Taman *ni* [ini] *tak* [tidak] duduk *dah* [sudah].

SAG : Ooo *tak* [tidak] duduk *dah* [sudah] sebab *haritu* [hari itu], kawan dengan Alia *jugakla* [juga lah] *haritu* dia *habaq* [beritahu] kata rumah dekat taman belakang *ni* [ini]. Pastu yang rumah baru *ni tak pi* [pergi] tengok lagi - *Tak* pernah sampai lagilah.

LM : *Kampong* [kampung] Padang Setul.

SAG : *Kampong* [kampung] Padang Setul - Dekat dengan rumah - *Tu* [itu] yang kilang *machine* [mesin] padi *tu*?

LM : Depan. Kilang padi *tu* [itu] - Jalan - Ada lorong depan *tu* masuk Padang Setul. Tapi kalau lalu Padang Sanai dekat - Ikut belakang.

SAG : *Ikot* [ikut] *highway* [lebuhraya] *tu* [itu]?

LM : Eh bukan, *ikot* [ikut] *ni* [ini] - *Ikot* - *Ikot highway* [lebuhraya] *tu* [itu] *pon* [pun] boleh *jugak* [juga], tapi boleh *ikot* ni - Satu - Padang Gelanggang.

SAG : Padang Gelanggang. (LM mengiyakan) *ikot* [ikut] apa - Dalam Felda Bukit.

LM : *Ha* [ya]. *Ikot* [ikut] situ.

SAG : *Pastu* [Selepas itu], yang *pasai* [tentang] Encik Lukman dari Johor ke *mai* [datang] ke sini atas faktor *belajaq* [belajar] satu (1), *keja* [kerja] satu (1) lah?

LM : Faktor *keje* [kerja], faktor saya *posting* [bertugas] sebab saye *posting mase* [masa], *first* [pertama] *posting* saya memang Johor. (penemubual mengiyakan). *Pastu* [selepas itu] *bile* [apabila] *saye* [saya] sambung belajar,

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

saya dapat di Kedah (NNI mengiyakan) *pastu* saya dapat di UPSI *pulak* [pula] - Dia, dia sambung terus *tau [tahu]*. Di IPDA *tu* [itu] habis terus UPSI. Jadi masa saya di IPDA, masa saya di IPDA, isteri saya masa *tu dah* [sudah] anak dua (2) *dah*. Kami *dah* anak dua (2). Jadi, saya *dah* dekat Kedah, isteri saya dekat Johor susah *kan* [bukan]. Saya berjaya tukarkan dia dapat pertukaran, dapatlah bertugas di Kedah lah. Jadi saya lepas habis IPDA saya sambung UPSI, lepas habis UPSI saya *nak* [perlu] kena *ngajar* [mengajar] semula. Sepatutnya saya kena lapor diri dekat Johor tapi saya buat pilihan untuk lapor diri di Kedahlah, sebab keluarga *dah* ada *kat* [dekat] sini. Itu adalah fasa yang paling mencabar. Kerana *hapak* [ayah] saya, *tak* [tidak] izinkan saya untuk--.

NNI : Stay [tinggal] sini?

LM : *Stay* [tinggal] sinilah. Itu fasa yang paling mencabar. Jadi, agak sukar *jugak* [juga] untuk saya bagi keyakinan pada ayah saya. Jadi saya *bagitau* [beritahu] *kat* [pada] ayah saya, saya kata “Saya akan bertugas di Kedah untuk sementara.” Kira lepas saya *dah* [sudah] stabil sikit, saya akan *mintak* [mohon] tukar ke Johor. Tapi *mak* [emak] saya *paham* [faham] apa yang saya alami. Sebab Johor *ni* [ini], *cost living* [kos sara hidup] dia tinggi, masa *tu* [itu] lah. Gaji *kecik* [kecil] apa semua - *Pastu* [Selepas itu] ada beberapa faktor yang saya fikir. Sebab saya fikir Rasulullah kata apa, “Hijrahlah. Nescaya kamu akan beroleh kebaikan.” Tapi, sebab saya anak *sulong* [sulung], jadi sukar *sikit* [sedikit] untuk *family* [keluarga] saya terima.

SAG : Kira [kiranya], macam ayah Encik Lukman susah *nak* [mahu] lepas mungkin, dia berharap dekat Encik Lukman?

LM : Haa (mengiyakan) betul. Betul. Dia sangat-sangat berharap dekat saya. *Dahtu* [Lepas itu] tiba-tiba saya buat keputusan yang boleh saya katakan mengguris hati dia (mengiyakan). Tapi, saya terpaksa buat keputusan *tu* [itu] kerana apa, saya *pikir* [fikir], kalau saya *tak* [tidak] buat keputusan *tu* mungkin *takkan*

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

[tidak akan] berlaku perubahan kehidupan. Tapi saya bersyukur sebab - Sebab apa? *Mak* [emak] saya, *paham* [faham] saya. Bila *mak* saya *paham*, *mak* saya *explain* [terangkan] dekat ayah saya. Sampailah *satu* [suatu] ketika, mula-mula ayah saya *tak* boleh terima saya duduk sini--.

SAG & NNI : Ohh (mengiyakan).

LM : *Haa* [Ya]. Ayah saya *tak* [tidak] boleh terima. Jadi, satu hari *tu* [itu] saya duduk sini saya ada azam. Saya azam saya - Dulu saya *nak* [hendak] hantar *hapak* [ayah] saya *pegi* [pergi] Mekah. Itu azam saya. Kalau saya duduk dekat Johor, saya *tak* boleh buat apa benda yang saya *nak planning* [rancang] *tu*. Sebab *life* [hidup] saya akan habis dekat diri saya *je* [sahaja]. *So* [jadi], saya *takboleh* [tidak boleh] *nak* buat sesuatu untuk *family* [keluarga] saya. *Jadik* [jadi] *hila* [apabila] saya bertugas di Kedah, saya mula simpan duit untuk *hapak* [ayah] saya. Simpan simpan simpan duit, sehinggalah *hapak* saya boleh mengerjakan haji.

SAG : Kiranya Encik Lukman *counter* [putar] balik *la* [lah] dengan cara hidup Encik Lukman sekarang dengan dulu?

LM : Sebelum hari gaji *tu* [itu] dia (ayah Encik Lukman) datang sini, dia datang dengan mak saya lepas *tu* dia tengok kehidupan saya, dia pun aaa *okay* [baik] lah. Jadi 2005 saya hantar *hapak* [ayah] saya pergi haji lah, dengan duit saya.

SAG : 2005?

LM : 2005 hantar *hapak* [ayah] saya pergi haji lepas *tu* [itu] *hapak* pun *kate* [kata] dia--. *Okay* [baik] lah dia terimalah, dia *takda* [tidak ada] masalah dengan pilihan saya *kot* [agaknya], tinggal di Kedah dan 2010 setahun sebelum *hapak* saya meninggal, saya *hawak* [bawa] mak saya *pegi* [pergi] haji, 2010.

NNI : K [baik]. Lepas *tu* [itu] nak tanya *ni* [ini] masa - masa Encik Lukman pindah daripada Johor ke Kedah *tu*, mula-mula atas urusan belajar, sebab *nak* [mahu] belajar, lepas *tu* masa *tu*, susah *tak* [tidak] *nak adapt*

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

[terima] dengan *surrounding* [persekitaran] dengan *situation* [situasi] dekat sini? Tadi Encik Lukman *kate* [kata] masyarakatnya *tu* berbeza.

LM : Emm *okay* [baiklah]. Saya daripada kelompok yang duduk tempat yang sangat proaktif. Proaktif--*Tetiba* [tiba-tiba] saya pergi satu tempat yang sangat *slow* [perlahan] pergerakan dia (Kedah). Memang saya rasa macam aaa--.

SAG : Berubah ketara?

LM : Ketaralah tapi dia *ni* [ini] bukan satu masalah untuk saya, daripada suasana mencabar, saya pergi kepada satu suasana yang *hiase-hiase* [biasa je [ja] *so* [jadi] saya *takda* [tidak ada] apa-apa. Saya, saya boleh *adapt* [terima] lah kan. Malahan saya rasa inilah peluang saya duduk tempat yang *passive* [perlahan] untuk saya *draw* [corak] diri saya. Kalau saya duduk dalam persekitaran yang proaktif, mungkin *same* [sama] *je* [ja] saya pun. *So--*.

NNI : Dia (perubahan) jadi *tak* [tidak] nampak.

LM : Ha'ah [Ya]. Jadi saya duduk dalam satu suasana yang saya ada peluang untuk buat banyak *hende* [benda], yang orang lain *taknak* [tidak mahu] buat, saya buat. *So* [jadi] saya rasa itu kebaikan yang saya dapat. Aaa cabaran, cabaran memang, kalau *kite* [kita] - cabaran eh, dalam hidup kalau *you* [kamu] *tak* [tidak] menghadapi dugaan dan kedengkian, sakit hati, *you* akan jadi *hiase* [biasa] *je* [sahaja]. Istilah untuk kejayaan, mesti menghadapi kedengkian. Sakit hati *ape* [apa] *semue* [semua] *tu* [itu] *kene* [kena] hadapi lah. *You* buat baik lagi, pasti akan ada cabaran. Saya *hiase* [biasa] buat satu program, *saye* [saya] buat satu program 2011 dengan Ustaz Kazim, dekat padang SKKN, dekat padang *tu lah* [itulah]. 10 *banner* [kain rentang] ke 10 *banner* yang *saye* gantung, 3 *banner* buang, kena buang, kena bakar sama, kena buang lain. Malah program *saye* disabotaj untuk program Ustaz Kazim *tu* [itu] kan.

SAG : Yang sebab isu *tu* [itu] kenapa yang *depa* [mereka] *bakaq* [bakar] *haritu* [hari itu]? Ada isu dengan Ustaz Kazim atau dengan Encik Lukman

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

sendiri?

LM : Bukan. *Bile* [Bila] masyarakat terlalu berpolitik, dia akan *hawak* [bawa] dalam pemikiran dia, apa yang *kite* [kita] buat *tu* [itu] adalah semua politik.

SAG : **Yes [Ya].**

LM : Bila kebencian *tu* [itu] datang, kerana mungkin tokoh *tu* bukan tokoh yang *diorang* [mereka] *suke* [suka], jadi dia akan berusaha untuk sabotaj program *tu*. Sedangkan *ape* [apa] yang kita buat *takda* [tidak ada] kaitan dengan politik langsung. *Kite* [kita] buat program *tu* atas dasar masyarakat tapi itulah cabaran yang saya kena hadapi. *Nak* [mahu] buat program agama pun kena dengki. Kan, yang nak dengki tu bukan orang, orang Hindu atau orang Siam, orang Melayu yang agama Islam, dia akan dengki. Itu program *pertame* [pertama], program keduanya dekat - dengan Professor, Professor Kamil Ibrahim, penulis buku 'Travel Log Haji' pun *banner* [kain rentang] *kene* [kena] buang. Yang tu *tak* [tidak] terlibat dengan politik pun orang *tak suke* [suka]. Maknanya, saya belajar untuk buat *ape* [apa] *saje* [saja] perkara baik pasti akan ada halangan. Pasti akan ada halangan dan halangan itulah yang akan membangunkan kita sendiri. Kalau emosi kita *tak* kuat, kalau kita *takda* semangat, *lame* [lama] dah (putus asa). Lepas *tu*, setiap orang yang berjaya dalam kerjaya dia, dalam kepimpinan dan sebagainya, percayalah cabaran dia sangat besar. Dia bukan cabaran *biase-biase* [biasa]. Kalau *kite taknak* diuji macam *tu* jangan jadi *siape- siape* [sesiapa]. Jadi *biase je* [sahaja] lah. *So* [jadi] *you* [kamu] *takkan* [tidak akan] membangunkan diri *you* akan duduk macam *tu je* [sahaja] lah.

NNI : **Macam *tu* [itu] *je* [sahaja] lah.**

LM : *Level* [tahap] yang *same* [sama] orang lain.

SAG : ***Okay* [Baik], yang *pasai* [pasal] balik kepada apa kerjaya Encik Lukman *ni* [ini].**

LM : Mmm (mengiyakan).

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

SAG : Kiranya *pasai* [pasal] Encik Lukman pilih psikologi punya kos, memang atas kehendak Encik Lukman *sendiqi* [sendiri], minat Encik Lukman *sendiqi* lah semua *tu* [itu]? Dari diploma aaa diploma pulak [pula]--.

NNI : Yang *start* [mula] dengan psikologi - Aaa *nonono* [tidak tidak tidak] kaunseling, kaunseling lepas *tu* [itu] psikologi *eh* [bukan]?

LM : Saya buat diploma kaunseling.

NNI : *Ahaa* [Ya].

LM : Ijazah kaunseling. Saya buat ijaz--. *Master* [Ijazah Sarjana] psikologi sebab saya *taknak* [tidak mahu] benda yang sama lah. Benda yang *same* [sama] saya *dah* [sudah] belajar buat *ape* [apa] saya nak pakai yang *same*. Saya nak pergi bidang yang lain sikitlah.

SAG : **Berkembang.**

LM : Tapi *ade* [ada] kaitan *jugak* [juga] dengan--.

NNI : *Ahaa* [Ya] dengan kaunseling.

LM : *Ahaa* [Yaa] *tu* [itu] *je* [sahaja] lah.

SAG : *So* [jadi] sebab minatlah, sebab nak *belajaq* [belajar] benda *tu* [itu]?

LM : *Ahaa* [Ya]

SAG : Kiranya (dialek Kedah) tadi Encik Lukman cakap ayah Encik Lukman *tak berapa* [tidak setuju] *kan* [bukan] Encik Lukman duduk sini (Kedah). Masa Encik Lukman *belajaq* [belajar] *ambik* [ambil] kos *ni* [ini] kira *parent* [ibu bapa] Encik Lukman *tak* [tidak] kisahlah macam *belajaq* [belajar] *tu* [itu] *okay* [baik]?

LM : Masa belajar *takda* [tiada] masalah *ape* [apa]. *Diorang* [mereka] *support*

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

[sokong] saya. Buat, buat ijazah--. Buat diploma pun *support* [sokong], buat ijazah pun *support* [sokong]. Malahan, masa saya *konvo* [konvokesyen] *konvo* [konvokesyen] ijazah saya, *hapak* [ayah] saya datang, *mak* [emak] saya datang ke UPSI kan. Aaa.. *Master* [Ijazah Sarjana] *saye* [saya] pun *hapak* saya masih *ade* [ada] lagi. *Bapak* saya datang, *mak* saya datang. *Cumanye* [cuma] bila saya *posting* [bertugas] *tu* [itu] *je* [sahaja] lah. Dia (ayah Encik Lukman) mengharap anak dia - mana-mana ibu bapa pun kalau boleh *nak* [mahu] anak dia duduk sebelah rumah *kan* [bukan]?. Sama semua orang macam *tu* dia (ibu bapa) *nak* macam *tu* tapi kite [kita] *ni* [ini], kalau kita duduk dalam keadaan yang sama macam *tu*, *kite takkan* [tidak akan] kemana-mana lah, kita *takkan--*. Zon kita *selese* [selesa] lah.

NI : Dekat situ--.

LM : *Haa* [Ya]

NNI : Masa *tu* [itu], *takda* [tidak ada] masalahlah dengan *parent* [ibu bapa] masa nak sambung belajar *tu*?

LM : *Takda* [tidak ada].

SAG : *Mintak* [minta] maaf *nak* [ingin] tanya. Ayah Encik Lukman *meninggal* [meninggal dunia] tahun berapa?

LM : *Okay* [Baiklah]. Ayah saya meninggal 15 September 2011. Ehh *no no* [tidak tidak]. Lapan belas (18), 18 September. *Bapak* [ayah] mertua saya meninggal tiga hari sebelum *tu* [itu]. *Bapak* mertua saya meninggal lima belas (15), yang boleh ingat *tu* pasal *hapak* mertua saya meninggal lima belas (15), lepas tiga (3) hari terus *hapak* saya meninggal *kat* [dekat] Johor.

SAG : *Okay* [Baiklah].

LM : *So* [jadi] sekarang *ni* [ini] lepas *hapak* [ayah] saya meninggal 2011, 2013 *mak* [emak] saya *dok* [tinggal] dengan *saye* [saya] lah. *Mak dok* sini dengan *saye*.

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

SAG & NNI : Pindah?

LM : *Ye [Yaa] mak [emak] saye [saya] dok [tinggal] dengan saye.*

SAG : Balik kepada penglibatan Encik Lukman dalam aktiviti persatuan apa semua *ni* [ini] kan. Macam ada *tak* [tidak] mungkin - berkemungkinan Encik Lukman macam dapat pengaruh daripada kawan-kawan, macam kenalan Encik Lukman untuk terlibat semua-semua *ni* lah.

LM : Sebenarnya, kalau yang pertubuhan kampung saya dulu - Persatuan Pertubuhan Belia Anak Merdeka *tu* [itu], memang saya diminta *join* [serta].

SAG & NNI : *Haa [Ya]*.

LM : Saya diminta *join* [serta]. Kemudian yang pertubuhan GPMS *kan* [bukan]--.

SAG & NNI : Kedah punya *ni* (persatuan)?

LM : GPMS *sebenarnye* [sebenarnya] dia punca dia macam *ni* [ini]. Saya dulu adalah Pengerusi PROSTAR Daerah Padang Terap. PROSTAR ehh. Program Sihat untuk Remaja yang bawah Kementerian Kesihatan *tu* [itu]. *Saye* [saya] Pengerusi PROSTAR Daerah Padang Terap, jadi aaa banyak program saya *mase* [masa] *tu*, *mase tu* saya kaunselor ehh. Jadi, duit peruntukan dalam Kementerian Kesihatan memang ada untuk pelajar-pelajar yang *hard core* [susah dikawal], budak-budak degil, budak-budak terlibat rokok apa semua *ni*, kita akan ada program khas lah. *So* [jadi] sebagai pengerusi *ni* saya banyak atur program dengan Pejabat Kesihatan untuk program-program *build up* [membina] *motivation* [motivasi] untuk remaja-remaja dalam Daerah Padang Terap lah. Jadi disebabkan peruntukan *ade* [ada] jadi saya suka buat program. Bila ada duit *takda* [tidak ada] masalahlah kan *so* saya sentiasa akan buat program. Jadi satu ketika *tu*, saya buat satu program Kembara Merdeka dengan geng-geng remaja *ni* lah. Buatlah geng remaja merdeka kita buat satu konvoi lah, aturkan aktiviti untuk aaa pelajar-pelajar *ni*, budak-budak remaja *ni*

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama pencembual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

singgah di masjid, gotong-royong, sembahyang apa semua masuk kampung. Jadi *mase* [masa] saya nak buat peruntukan program *tu* saya kena dapatkan duit, bajet, jadi saya *dah* [sudah] dapatkan daripada Pejabat MB lah, daripada pegawai dia *ape* [apa] semua, saya dapatkan bajet dapatlah dalam dua (2) ribu *tu* saya buatlah program *tu*. Berjayalah program *tu*. Konsep yang saya buat, setiap kali buat program, daripada dulu lagi, saya terlatih untuk buat dokumentasi setelah program selesai. Itu konsep yang saya buat.

SAG : Kira buat *report* [laporan] macam *tu* [itu] ka [bukan]?

LM : *Haa* [Ya] *saye* [saya] memang akan buat dokumentasi dengan gambar apa *semue* [semua]. Itu, itu memang cara *saye* lah. Jadi selesai program *saye* hantarliah dokumentasi *tu* [itu] ke pejabat MB.

SAG : Emm (mengiyakan).

LM : *Bile* [Bila]--. Mungkinilah dia tengok ehh “Dia bagi dua ribu hasilnya ada” nampak. Jadi *mase* [masa] nak tunggu GPMS *ni* [ini], pegawai *ni* lah yang hubungi *saye* [saya]. *Die* [dia] *kate* [berkata] “Boleh *tak* [tidak] *you* [awak] tubuhkan GPMS Kedah *ni*?”. Bincang dengan kawan *saye ni*, pengerusi *ni* Haji Mazlan *ni* suruh *jumpe* [jumpa], *kiteorang* [kami] bincang, bincang-bincang jadi terus dari situ *saye* pun gerakkan untuk urus GPMS lah. Jadi maknanya orang nampaklah dari situlah.

SAG : Pasal--. Okay [Baiklah], Encik Lukman sebelum *ni* [ini] kami ada *browse* [lihat] yang pasal Encik Lukman di Internet apa semua *tu* [itu] kan. Tulis dalam blog *pastu* [selepas itu] *jumpak* [jumpa] apa nama arkib dalam Utusan *online* [atas talian] *tu kan* [bukan]. Ada *jumpak* [jumpa] pasal apa yang Encik menyuarakan pendapat yang pasal GPMS yang pasal Naib Pengerusi yang perletakan jawatan *tu*.

LM : Ohhh *ade* [ada] *bace* [baca] ehh?

SAG : *Haa* [Ya] ada baca sebab NGO ka apa?

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

LM : *Yee* [Ya] NGO Melayu.

SAG : *Okay* [Baiklah], *start* [bermula] dari situ kami macam tertanya-tanyalah macam Encik Lukman *ni* [ini] *jenih* [jenis] beranilah macam nak [hendak] menyuarakan pendapat Encik Lukman sendiri. Kira Encik Lukman masa Encik Lukman *up-upload* [memuat naik] semua *tu* [itu] kiranya Encik Lukman memang yakin, memang *betoi-betoi* [betul-betul] macam *tak* [tidak] takut hadapi macam orang salah *paham* [faham] dengan Encik Lukman *ka apa ka* [atau apa-apa]?

LM : *Okay* [Baiklah]. Perkara pertama kalau *saye* [saye] *nak* [mahu] suatu *bende* [benda], *saye* mesti pastikan *kite* [kita] *tak* [tidak] bersalah. Kalau *kite* bersalah, *kite* macam mana nak *bukak* [dedahkan] *cerite* [cerita] *tu* [itu] *pade* [pada] umum sebab nanti akan tembak balik *kat* [pada] *kite kan* [bukan]. Yang keduanya saya *tak* terlibat dengan isu duit. Orang akan cari *kite*, orang akan tembak *kite* kalau *kite* melibatkan isu kewangan. Dalam *mane-mane* [mana-mana] organisasi pun, organisasi *tu* akan runtuh kalau ada isu *tak* amanah.

SAG & NNI : **Hmmm (mengiyakan).**

LM : *Okay* [Baiklah], *so* [jadi] dalam isu *ni* [ini] *saye* [saya] tahu *saye* amanah sebab *saye tak* [tidak] pegang duit. *Saye* hanya terlibat dalam NGO *ni kerane* [kerana] saya *nak* [mahu] tolong untuk *ambik* [ambil] satu peluang berbakti. Moto yang *saye* pegang, “Hidup biar berbakti” *tu* [itu] moto *saye*. Hidup biar berbakti. *So* [jadi] sebab *saye* sangat, *saye* sangat *percaye* [percaya], kalau *you* [kamu] terlibat dengan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan, duit akan datang *pade* [pada] *you* tanpa *you* cari. Kawan akan datang *pade* [pada] *you* tanpa *you* minta. Aa hubungan *you* akan dapat ramai kawan-kawan *kan* [bukan]. Ramai orang masuk NGO *kerane nak kuase* [kuasa], pengaruh, duit *kan*. *Die* [dia/NGO] mungkin dapat *mase* [masa] *tu kan*. *Tak* tahulah macam *mane* [mana]. *So* [jadi] *saye pulak* [pula] saya *tak* minat *bende* [benda] *tu*. *Saye tak* minnn--. Bukan saya *tak* minat pengaruh, *saye* minat pengaruh tapi *saye*

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

tak suka saya *kat* [dekat] depan. Orang bagi *saye* pengerusi pun *saye taknak* [tidak mahu] *kan*. Sebab *saye* rasa saya *nak* tolong. Itu konsep yang *saye suke* [suka] la *kan* sebab *saye rase* [rasa] macam - Belakang-belakang *dah* [sudah] la. *Okay* [baiklah], *so* bila *saye upload* [muat naik], *sebenarnya* [sebenarnya] saya memang *out spoken* [bercakap terus terang] *jugak* [juga] lah tapi *out spoken* [bercakap terus terang] *saye* dalam penulisan. Dulu, *saye tak* suka cakap depan orang. Satu benda isu apa tapi *saye suke* menulis. Sebabnya *hile* [bila] saya menulis, *saye* boleh kaji balik *ape* [apa] yang saya tulis. “Betul *tak* aku tulis *ni*? Salah *kat* [dekat] *mane* [mana] eh?” Boleh tengok. Tapi kalau *kite* [kita] cakap, mungkin *dah* [sudah] terlepas *kan*. Orang *tak* puas hati. Jadi *saye-*-. Sebab *tu* saya *upload* [muat naik] isu *tu* setelah *saye* letak jawatan. *Takda* [tiada] siapa berani untuk tembak pengerusi *ni* lah, *takda sapa* [siapa] berani sebab *saye je* [sahaja] *sorang* [seorang] yang *mase* [masa] *tu* dalam mesyuarat yang *kitaorang* [kami] putuskan *tu*, kita *tak* puas hati dengan beberapa *perkare* [perkara]. Kami *ni* dirasak oleh beberapa kumpulan orang yang terlibat *tu*, seolah kami yang bersalah. Sedangkan kami *tak* buat apa-apa yang *tak* benar. *Ade* [ada] benda yang berlaku *mase tu*, *saye cikgu tau* [tahu], jadi isu yang berlaku *tu* melibatkan *name* [nama] dalam Jabatan Pelajaran Kedah dan *saye jugak* [juga] terlibat sebab *saye* adalah cikgu yang duduk dalam GPMS. Jadi *name* saya disebut. Jadi *saye* persoalkan balik “*Kenape* [kenapa] buat macam *ni*” sebab banyak imej cikgu tercalar. Banyak sekolah *tak* puas hati dengan GPMS sebab GPMS serang sekolah *tak* puas hati *ni*. Ohh *die* [dia] bagi alasan *ninini* [ini dan itu] *so* saya nampak benda *tu tak kene* [kena] *so* saya *tak* boleh melawan. *Bile* [bila] saya *takleh* [tidak boleh] melawan, *saye* letak jawatan lah. *Bile* saya letak jawatan, jawatan, *hile* saya letak jawatan *rupenye* [rupanya] saya bukannya--. Sepatutnya keadaan *tu* senyap. *Saye* diserang bila saya letak jawatan. Seolah saya letak jawatan *ni* memang patutlah sangat sebabnya, konon-kononnya kerana saya *ade* [ada] lah GPMS *ni* jadi macam *tak--*. Macam *ni* macam *ni* macam *ni*. Jadi, oleh sebab itu, *saye nak* [mahu] mempertahankan diri *saye* sebab *saye* di - difitnah. Jadi *saye* buat keputusan saya *call* [hubungi] *semue* [semua] pengerusi cawangan GPMS seluruh negeri Kedah, *saye* bagi

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

semua dokumentasi *ape* [apa] yang berlaku sekarang dalam GPMS Kedah, berlaku pecah amanah macam mana *ape* yang salah guna semua *saye* bagi bukti sebab *saye* dapat. Kemudian *saye kate* [kata] “Berapa orang boleh sokong *saye* untuk buat surat pecat pengerusi sedia ada?”. *So* saya dapat sokongan sebulat suaralah dari *semue* cawangan. *Bile* saya dapat surat *tu*, *saye endorsed* [sahkan] surat *tu* kepada GPMS Kebangsaan, GPMS Kebangsaan siasat aduan *tu* benar. Jadi, akhirnya pengerusi *tu* kena undur diri lah. *So* saya rasa saya buat *mase tu* memanglah *saye* dalam keadaan yang terlalu berani tapi takut pun *ade jugak* [juga]. Takut *biase* [biasa] lah. Tapi saya *pikir* [fikir] “Aku buat peduli *ape*” bukan boleh buat *ape kat* [pada] *saye*. *So* orang *tak* boleh buat *ape* sebab *saye* bukan *ade* jawatan. Orang bukan boleh buang *saye*. Saya *dah* [sudah] keluar *dah*. Saya *dah* keluar daripada situ. *So* saya teruskanlah, saya teruskan perjuangan saya. Akhirnya, terbukti kawan *tu* salah, kawan *tu* kena buang dan *saye* ditawarkan jawatan pengerusi kan tapi *saye taknak* [tidak mahu] katalah “Bagi orang lainlah nanti *saye nak*”--. Jawatan macam *ni* bukannya *nak* cari musuh kan, *nak* cari kawan lagi ramai. Kalau cari musuh buat *ape*. *So* saya akhirnya - Dengan tulisan *tu* berjajalah menyebabkan--. Bukan itu *saja* [sahaja] lah *sebenarnya*. *Saye* [saya] memang menulis *ape* saja *saye tak* puas hati.

SAG : Haaa [Ya] banyak jugaklah [juga].

LM : Aaa kalau, kalau *korang* [kamu] dua orang perasan PLKN, Program Latihan Khidmat Negara.

SAG & NNI : Ahaa (mengiyakan).

LM : Program Latihan Khidmat Negara *ni* [ini] dilaksanakan di Malaysia pada tahun 2004. *Okay* [Baiklah], *saye* [saya] telah mencadangkan Program Latihan Khidmat Negara *ni pade* [pada] 1995. *Ye*, [ya] *saye* telah menulis dalam akhbar mencadangkan PLKN kena buat *kat* [di] Malaysia dengan tajuk kerahan *tenage* [tenaga].

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

SAG : Kerahan tenaga?

LM : Haa? (bertanya)

SAG : Kerahan tenaga?

LM : *Yelah* [Ya]. PLKN *same* [sama] lah tu [itu]. Kerahan tenaga, PLKN *same* [sama] lah tu [itu] cuma kat Malaysia sebut Program Latihan Khidmat Negara. Di *Singapore* [Singapura] National Service atau Kerahan Tenaga. *Same* [sama] je [sahaja] kan. *Saye* [saya] *dah* [sudah] menulis, sebab *saye* pernah bekerja di *Singapore* dulu, *saye* pernah bekerja di *Singapore* selepas *saye* habis sekolah. Jadi *saye* tengok dekat *Singapore*, memang masyarakat dia didisiplinkan dengan sistem kerahan *tenage* [tenaga]. Anak-anak remaja memang kena masuk PLKN. PLKN yang betul-betul tentera lah *kite* [kita] *ni* [ini] yang *ceroi* [biasa-biasa] punya PLKN. PLKN *diorang* [mereka] memang mantap. Jadi saya tulislah sembilan puluh lima (1995) buat PLKN, sembilan puluh enam (1996) saya tulis lagi PLKN, sembilan puluh tujuh (1997) saya tulis lagi PLKN. Lepas *tu*, tulisan *saye sentiasa* [sentiasa] lah dalam surat khabar, *saye* mencadangkan - mencadangkan sebab *saye* selalu berfikir macam mana *nak* [hendak] buat masyarakat *ni* berdisiplin. *So* [jadi], itulah mungkin cara yang saya nampak sebab *tu* masuk dalam PVR sebab *saye nak* [mahu] didisiplinkan. *Saye mintak* [minta] untuk didisiplinkan. *Die* [dia] kena dari dalam *tau* [tahu]. Telur, telur kalau *kite* [kita] *ambik* [ambil], kalau *kite* pecahkan daripada luar, *die takda* [tiada] apa-apa pun. *Die takda* kekuatan. Dia akan lebur, orang makan. Tapi telur kalau pecah daripada dalam, pecah dari dalam, dia akan melahirkan seekor anak ayam yang bertenaga yang akhirnya membesar dan boleh mengeluarkan lagi banyak telur. Sebab *tu* motivasi kena datang daripada dalam, hasilnya luar biasa. Kalau daripada luar, dia *biasa je* [sahaja], *takde ape* [apa] malahan dia *takkan* [tidak akan] kemana-mana. *Haaa* [yaa] sebab *tu*, mungkin program yang macam *ni* boleh bantu untuk lahirkan motivasi daripada dalam. *Haa tu* masa PLKN dibuat *tu* masa *tu* apa--. Yang

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama pencembual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

mencadangkan yang akhirnya kerajaan terima dan dilaksanakanlah. *Ade* [ada] bukti buku dia *tak* [tidak] silap saya, saya ada simpan.

SAG : Kiranya macam Encik Lukman yang *first* [pertama] pencadang untuk--.

LM : Kalau *saye* [saya] nak cakap masuk bakul angkat sendirilah tapi *saye* ada semua bukti yang saya tulis PLKN pada 1995. Orang hanya nampak Lee Lam Thye lah sebab dia mungkin mencadangkan secara *ni* [ini] *open* [terbuka] Datuk Dr. Fauzi Basri, Allahyarham bekas naik Canselor UUM. Dia pun mencadangkan dalam satu forum jugak pada awal 2000 lebih macam *tu* [itu] tapi Lukman Moidin *diorang* [mereka] *tak* [tidak] kenallah. Tapi saya ada hantar surat kepada Perdana Menteri pada--. Dan saya terlibat dalam pra PLKN 2003, pemantau, *diorang* lantik saya sebagai pemantau PLKN dan akhirnya program *tu* sekarang telah berjalanlah tapi masing lagi perlu dibaikilah, ada banyak lagi kelemahan yang pada saya *tak* membantu pembangunan jiwa masyarakat rakyat Malaysia. PLKN sekarang banyak lagi kena ubah.

N I : Lepas *tu* [itu] Encik Lukman *start* [mula] tulis, *I mean* [maksud saya] dalam kolum-kolum surat khabar *tu*, yang *tu start* [mula] waktu *bile* [bila]?

LM : *Saye* [saya] mula menulis, gatal tangan masa saya *kat* [dekat] IPSAH. Sembilan puluh dua (1992), sembilan puluh satu (1991), sembilan puluh dua (1992), macam *tu* [itu] saya menulis dalam surat khabar, *mase* [masa] *tu* ada ruang surat pembaca *tau* [tahu], saya *tak* [tidak] puas hati, saya jenis orang yang *tak* puas hati banyak *bende* [benda], tapi saya tulis *tau*, tangan *saye* macam *tu*. *Ape* [apa] yang saya nampak *tak kene* [tidak betul]. Contohnya, contohnya ada benda yang *tak* kena dekat maktablah, saya tulislah pakai nama samaranlah. Saya tulis. *Ade* [ada] yang *tak* kena sana sini, *kat* kampung saya, saya *tak* puas hati, air paiplah air lah semua saya akan tulis dalam surat khabar. Itu cara *saye* luahkan saya *punye* [punya] *ni* [ini] lah. *Mase* [masa] *tu* pakai

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

typewriter [mesin taip] lah, *typewriter*. Lepas *tu* bila *dah* [sudah] sam--. Buat *aaa* (berfikir) bila *dah* [sudah] *posting* [bertugas] masa *tu dah* ada komputer semua, saya *dah* boleh menulis pakai komputer. Kemudian saya ada dapat satu ruangan dalam Utusan Malaysia, ‘Ruangan Gelanggang Guru’, itu memang ruangan tetap saya lah. Saya akan hantar artikel dalam seminggu sekali dalam ‘Ruangan Gelanggang Guru’ *tu*.

SAG : Sampai sekarang?

LM : *Tak* [tidak], sampai ruangan *tu* [itu] ditamatkanlah. Ruangan *tu* sampai satu peringkat *dah* [sudah] habis jadi dia *tak* sambung. Kemudian dalam majalah pun ada majalah yang saya tulis, majalah apa *ni* [ini] majalah – ‘Mustika’ ehh bukan, ‘Dewan Masyarakat’ saya ada tulis, ‘Dewan Budaya’ saya ada tulis, ‘Majalah Tamadun’ saya ada tulis. Banyak majalahlah yang saya masa *tu* saya aktif *jugaklah* [juga] tulis. Kalau ada saya tunjuk lepas *ni*.

SAG : Okay [Baiklah], kiranya yang *pasai* [pasal] peningkatan Encik Lukman yang peristiwa paling bermakna *tu* [itu] *pasai* *nilah* [inilah] penganugerahan Kor Kadet Polis *tu*?

LM : Banyak sebenarnya kalau saya nak bagitahu. Bukan setakat itu *je* [sahaja] lah. Perjalanan hidup saya, daripada seorang budak kampung, anak penebar roti canai, yang SPM saya teruk sangat kemudian persekitaran kawan saya ketika itu juga bukan orang-orang yang baik-baik.

SAG & NNI : Haa (mengiyakan).

LM : Keliling saya, kawan-kawan saya masa *tu* [itu] adalah orang-orang yang macam, macam mana nak cakap. Kawan saya yang meninggal kerana *drug* [dadah], kawan saya yang mati eksiden, *race* [lumba] motor, *so* [jadi] *environment* [persekitaran] masa saya *tu* sangat-sangat negatif lah. Tapi saya bersyukur kerana Allah tentukan perjalanan hidup saya untuk capai impian yang *tak* [tidak] pernah saya fikir. Macam tadi lah, itu satu contohlah Kadet

nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

Polis, impian untuk saya memiliki ijazah, yang saya *tak* terfikir pun saya *nak* [hendak] pergi *ambik* [ambil] ijazah yang saya *nak* batalkan pun kan saya *nak* batalkan saya *nak ambik* [ambil] *degree* [Ijazah Sarjana Muda] *tu* saya *dah* [sudah] tulis surat saya *nak* batalkan akhirnya Allah bagi saya *master* [Ijazah Sarjana]. Impian saya yang paling besar satu ketika dulu adalah untuk berjumpa dengan Tun Dr Mahathir lah. Itu satu impian yang saya *tak* fikir yang saya boleh jumpa dengan Tun Mahathir dan saya boleh duduk dengan dia. Saya boleh berdialog dengan dia dua jam. Dua jam kita boleh sembang, tanya apa sahaja soalan. Kemudian saya boleh baca puisi sebelah Tun Dr Mahathir. Tun Dr Mahathir *kat* [dekat] situ saya *kat* sini, saya baca puisi.

SAG : Puisi yang Encik Lukman *upload* [muatnaik] dekat--.

LM : Yaa. Ada baca ada tengok? Aa Budimu Mahathir *kan* [bukan]?

SAG : *Haa* [Ya].

LM : Yang itu saya rasa nostalgia yang paling-paling istimewa sebab seorang negarawan. Kalau sekarang saya *tak nak* [tidak mahu] ceritalah. Keadaan politik kita *dah* [sudah] serabut *dah* kan. Tapi saya cerita, ketika *dia* [Tun Dr Mahathir] sebagai seorang yang sangat dihormati dalam masyarakat, saya berpeluang untuk jumpa *dia* bukan sekali *je* [sahaja], banyak kali, tiga empat kali sehinggakan *dia* boleh *cam* [kenal] saya. *Dia* boleh *cam* [kenal] nama saya, *dia* boleh *cam* [kenal] muka saya.

SAG : Masa *tu* [itu] masih dalam pentadbiran *dia* [Tun Dr Mahathir]?

LM : *Tak* [tidak], *dia* [Tun Dr Mahathir] *dia dah* [sudah] letak jawatan masa *tu*. Masa pentadbiran saya jumpa sekali, masa pentadbiran saya hantar surat dekat *dia* banyak kali jadi *dia tak* kenal saya. Lepas *dia* bersara *tu* yang saya dapat peluang untuk berdialog *dia*, berjumpa dengan *dia*.

SAG : Kiranya dialog Encik Lukman dengan *dia* [Tun Dr Mahathir] *tu* [itu] atas urusan kerja?

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

LM : **Aaa *saye* [saya] atas--.** Saya terlibat juga dalam satu--. Oleh sebab saya menulis, dulu saya blogger, dulu saya ada blog sendiri memang saya punya artikel pun banyak yang diambil oleh blog-blog tertentu unuk dimuatkan dalam satu Kelab Che Det. *So* [jadi] saya punya artikel banyak masuk dalam Kelab Che Det. Jadi saya *ni* [ini] dilihat macam membantu Kelab Che Det. Satu hari, dalam kalangan kumpulan Kelab Che Det *ni* nak buat satu perjumpaan tertutup dengan Tun Dr Mahathir. Jadi dua puluh satu orang pengasas Kelab Che Det *diaorang* [mereka] *mintak* [minta] *call* [hubungi] saya, *diorang call* saya, *diorang* kata “Nak [mahu] tak [tidak] join [sertai] kami untuk berjumpa dengan Tun Mahathir?”. *Ishh* [teruja] *sape* [siapa] *taknak* [tidak mahu] ambil peluang *ni*. Satu benda yang *tak* [tidak] disangka-sangka datang depan *mate* [mata] jadi saya antara dua puluh satu orang pengasas Kelab Che Det lah ketika *tu* yang dapat dialog dengan Tun Mahathir dua jam lebih dekat puncak KLCC tingkat paling tinggi *tu*, tingkat lapan puluh lapan (88), jejambat dia dekat tingkat empat puluh enam (46). Naik lif, *nak* [mahu] naik lif daripada bawah sampai tingkat empat puluh enam (46), empat puluh enam (46) tukar empat puluh enam (46) ke lima puluh enam (56), lima puluh enam (56) ke lapan puluh enam (86). Tiga (3) kali naik lif baru sampai ke puncak *tu* dekat pejabat Tun Mahathir. Itu pengalaman yang paling-paling istimewa kerana saya dapat berdialog ditempat yang paling tinggi, saya dapat bacakan puisi sebelah Tun Mahathir tempat yang paling tinggi dekat Malaysia lah *kat* [dekat] KL lah *kat* KL bangunan paling tinggilah. Masa *tu* saya terlibat dengan Kelab Che Det lah.

SAG : **Sekarang aktif lagilah dengan Kelab Che Det *ni* [ini]?**

LM : *Tak* [tidak], saya *dah* [sudah] keluar dari Kelab Che Det sebab faktor politik yang keterlaluan sebab saya *tak suke* [suka] nampak terlalu mengarut *ni* [ini] saya akan--.

SAG : **Rumit?**

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

LM : *Haa* [Ya] rumit sangat jadi saya *tak* [tidak] berminat lepas *tu* [itu] saya sekarang ada pertubuhan saya sendiri. Saya tubuhkan Pertubuhan Kebajikan Warga Pendidikan Malaysia. *Last year* [tahun lepas] pertubuhan saya diluluskanlah. Nama dia Pertubuhan Barakah Malaysia. Pertubuhan *ni* [ini] khusus untuk warga pendidikan kita nak jaga kebajikan dari segi *ni* lah, sumbangan kebajikan kalau berlaku sesuatu musibah kepada warga pendidikan. Kemudian dalam masa yang sama *jugak* [juga] saya buat satu skim untuk manfaat warga pendidikan semurah sepuluh ringgit lah. Skim Takaful Kelompok untuk warga pendidikan. Melalui pertubuhan *ni* kita tolong cikgu-cikgu dengan caruman paling murahlah untuk bantu kalau apa-apa; kematian, khairat sebagainya. *So* [jadi] baru lulus *je* [sahaja] tahun lepas bulan sebelas. *So ni* dah bergerak dalam lima enam bulan pertubuhan *ni*.

SAG : **Tengah naiklah sekarang *ni* [ini]?**

LM : *Haa* [Ya] tengah naiklah. *So* [jadi] saya pengerusi lah seluruh Malaysia. *Ni* [ini] pertubuhan saya sendiri. Datang dari jiwa *saye* [saya] datang dari kehendak saya bukan orang lain suruh. Yang lain *tu* [itu] semua orang lain suruh saya *ambik* [ambil] tolong buat, tolong buat. *So* saya buat. Yang *ni* memang saya fikir, datang idea dari kawan, saya tubuh, saya rancang, saya panggil kawan-kawan *saye*, bincang *okay* [baik] terus daftar. *So* itu--.

SAG : **Ni [ini] antara cikgu-cikgu satu Malaysia?**

LM : *Haa* [Ya], cikgu-cikgu satu Malaysia.

SAG : **Dapat *support* [sokongan]?**

LM : Dapat *support* [sokongan]. Seluruh Malaysia di Melaka ada AJK Johor ada, Pahang ada, Terengganu ada, Kelantan ada. Sabah Sarawak *je* [sahaja] *takde* [tidak ada]. Yang lain semua seluruh Malaysia; semenanjung semua ada.

SAG : ***So* [jadi] sekarang ada macam ada pertubuhan *sendiqi* [sendiri], ada**

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

mungkin ada *building* [bangunan] *sendiqi*, *company* [syarikat] *sendiqi ka* [bukan]?

LM : *Takda* [tidak ada] ini *building* [bangunan] *saye* [saya] lah *ni* [ini] pejabat saya lah. *Ni* pejabat pertubuhan *jugak* [juga] lah.

SAG : Kira sekalikanlah?

LM : Sekalikan. Sekalikan kemudian *apeni* [apa ini] bisnes memang kita ada bisnes dalam pertubuhan *ni* [ini] lah. Bisnes Takaful lah. Takaful Kelompok. *Saye* [saya] buat *part time* [sambilan] Takaful.

SAG : Insuran?

LM : Yaa.

SAG : Patutlah makcik yang *hantaq* [hantar] kami tadi dia tanya, “*Dia* (Encik Lukman) dok [masih] buat insuran lagi?” Ishh kami *taktau* [tidak tahu] pulak *hat* [yang] *tu* [itu].

NNI : Sebab kami *tak* [tidak] *dengaq* [dengar] mana-mana daripada--. Kami cari maklumat Encik Lukman daripada Internet. Kami *takdak* [tiada] *dengaq* lagi lah *pasai* [pasal] yang *ni* [ini].

LM : *Saye* [saya] buat Takaful dari tahun--. Saya buat insuran lepas saya berhenti buat roti canai. *So* [jadi]--.

SAG : Sambil-sambil macam *tu* [itu] lah?

LM : Saya buat insuran 2003 sampai 2010, insuran MCIS Conventional. Lepas saya balik haji saya *resign* [letak jawatan] daripada Conventional saya berhenti, Conventional rebat lepas *tu* [itu] 2010 *tu* saya *start* [mula] buat Takaful sampai sekarang. Saya dapat pencapaian nombor dua dalam Malaysia *group* [kumpulan] Takaful terbaik, *last year* [tahun lepas] dan saya *target number one this year* [impikan nombor satu

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

tahun ini] kalau boleh.

SAG : So [jadi] masih bergerak lagi lah?

LM : Memang ini bisnes saya.

SAG : Sekali dengan pertubuhan *ni* [ini] lah?

LM : *Under* [dibawah] pertubuhan *ni* [ini] lah. Sebelum *ni* saya buat pertubuhan, sebelum *ni* saya buat Skim Kelompok dengan JPN Kedah. Jabatan Pelajaran Kedah.

SAG : JPN Kedah dengan apa Skim Kelompok apa?

LM : Skim Kelompok *tu* [itu] saya buat dengan JPN Kedah. Skim Takaful *tu* aa--.

SAG : Ohh *collaboration* [kerjasama] dengan JPN Kedah?

LM : Dengan JPN Kedah lah, dengan JPN Perak pun saya buat *dah* [sudah]. *So* [jadi] sekarang *ni* [ini] saya buat dengan pertubuhan saya sendirilah. Dia *tak* [tidak] melalui JPN lagi *dah*.

NNI : Okay [Baiklah], yang kami dapat maklumat, Encik Lukman ada macam *ade* [ada] dianugerahkan pingat.

SAG : *Baqu-baqu ni* [baru baru ini].

LM : Aaa *ade tu* [ada itu] *kat* [dekat] luar.

SAG : Yang dekat istana *tu kan* [itu bukan]?

LM : Aaa [Ya].

NNI : Yang *tu* [itu] pingat *ape* [apa]?

LM : Pingat Bakti Ke--. Bintang Kebaktian Masyarakat, BKM. Yang *ni* [ini] GPMS yang calonkan *name* [nama] *saye* [saya] lah.

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

SAG : Kiranya dari - *Direct* |terus| dari sultan eh?

LM : Aaa dari sultan. Sultan yang bagi.

NNI : *Okay* |Baiklah|, lepas *tu* |itu| *nak* |mahu| *tanye* |tanya| *ni* perasaan Encik Lukman sebagai ayah yang macam *mane* |mana| *nak* cakap, banyak anugerahnya, banyak bergerak ke sini ke sana, ke sini ke *sane* |sana| macam *tu*, *ape* |apa| yang Encik Lukman *rase* |rasa|?

LM : Maksudnya macam *mane* |mana|? Dari segi perasaan sebagai ayah?

NNI : *Haa* |Ya|, macam sebagai motivasi anak ke sebagai *ape* |apa|?

SAG : ‘*Role model*’ untuk anak-anak *ka* |atau| macam mana?

LM : Ohh setiap bapak atau mak dia *nak* |mahu| anak-anak dia berjaya. Macam *tu* |itu| *jugak* |juga| *saye* |saya| pun. *Saye nak* anak-anak *saye--*. Saya *takleh* |tidak boleh| *pakse diorang* |paksa mereka| untuk ikut *care* |cara| *saye*.

NNI : *Haa yess* |ya|.

LM : Tapi saya mengharap *diorang* |mereka| nampak apa yang saya buat. Selalunya mak dengan anak-anak *ni* |ini| dia *tak* |tidak| nampak apa yang bapak dia buat atau mak dia buat. *Tak kire* |tidak kira| lah samada dia berjaya atau tidak tapi kadang-kadang majoriti anak-anak *tak* |tidak| nampak lagi lah. Mungkin saya pun perasan anak-anak saya pun *tak* nampak sangat. *Ade* |ada| yang nampak, ada yang *tak* nampak tapi yang paling penting adalah mengikuti *tu* |itu| lah. Mengikuti dan belajar sesuatulah. Itulah, *saye* mengharapkan mungkin dia *tak* belajar daripada *saye* mungkin dia belajar daripada orang lain.

SAG : *Kiqanya* |kiranya| macam sejarah-sejarah Encik Lukman sebelum *ni* |ini| pun Encik Lukman dedahkan kepada *depa* |mereka| lah?

NNI : *Ade* |ada| *cerite* |cerita| dekat *diorang* |mereka| ke tidak ke?

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

LM : Cerite [cerita] secara macam *ni* [ini] *takdelah* [tidak ada] tapi nampaklah *diorang* [mereka] nampak apa yang berlaku lah sentiasa nampaklah apa yang berlaku.

SAG : **Dengan penganugerahan yang dapat?**

LM : *Haa* [Ya].

NNI : ***Ade tak* [ada tidak] anak-anak Encik Lukman yang terlibat aktif?**

LM : Yang sulung *tu* [itu] Lia *tu* lah. *Saye* [saya] tengok Alia *ni kat* [dekat] UIA macam banyak terlibat dengan moderator program.

SAG : **Teaternyaa.**

LM : Teater apa semua *so* [jadi] *saye* [saya] nampak dia *ade* [ada] satu usaha untuk *build* [bina] dia punya karakter peribadi dia untuk keyakinan dirilah. Yang lain saya nampak setakat *ni* [ini] masih lagi *takde* [tidak ada] *motivate* [motivasi] lagilah macam takut lagilah *tu* [itu] masalah utama ketakutan.

SAG : **Alia dekat sekolah pun *dah* [sudah] aktif *dah* dengan debat dia semua.**

LM : *Haa* [Ya].

SAG : **Lupa *nak* [mahu] tanya, sebab tadi Encik Lukman ada cerita *pasai* [pasal] ayah Encik Lukman yang *bernega* [berniaga] roti canai. Kiranya memang *family* [keluarga] Encik Lukman *ni* [ini] berlatarbelakangkan bisnes eh?**

LM : Kalau ikut *tu* [itu] memang bisnes. Kedai makanlah dalam kampung *je* [sahaja]. *Saye* [saya] sampai harini saya boleh buat murtabak ke *ape semua* [apa semua] sebab *saye* belajar daripada bapak *saye* lah. Bulan lepas pun saya buat roti canai, *kat* [dekat] rumah.

SAG : ***Saja ja* [Sahaja] *tak* [tidak] buat *juai* [jual]?**

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

LM : *Tak* [tidak].

SAG : **Lepas *tu* [itu] sebab kalau ikutkan kami nampak macam Encik Lukman macam ada *daqah* [darah] kacukan. *Iya ka* [betulkah]?**

LM : Saya keturunan Malbari.

SAG & NNI : **Hah? (bertanya)**

LM : Malbari, *saye* [saya] bukannya Melayu.

SAG : **Dari ayah? Mak?**

LM : Ayah mak saya *dedua* [dua-dua] Malbari. Malbari. Malbari *ni* [ini] satu keturunan dalam keturunan India tapi dia ada *bahase* [bahasa] dia sendiri bahasa Malayalom ataupun bahasa Malbari lah. Itu memang keturunan saya lah *takda* [tidak ada] campur dengan Melayu apa semua. Saya berkahwin dengan orang Melayu lah.

SAG : **Memang apa *ni* [ini] asal keturunan Malbari?**

LM : Asal keturunan Malbari. Malbari.

SAG : ***Pasai* [pasal] Encik Lukman ada *mentioned* [nyatakan] kerja dekat Singapore, kat [dekat] sana *keja pa ah* [kerja apa ya]?**

LM : Saya kerja restoran dua puluh empat jam. Restoran kedai makanlah, kedai makan.

NNI : **Restoran dua puluh empat (24) jam?**

LM : Restoran *tu* [itu] dua puluh empat jam lah tapi saya *tak lah* [tidaklah] kerja dua puluh empat jam saya ikut shif.

NNI : ***Haa* [Ya] ikut shif.**

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

LM : *Haa* [Ya] itu pengalaman *saye* [saya] *pertame* [pertama] bertugas, *bekerje* [bekerja] di luar *negare* [negara]. *First time* [kali pertama] saya keluar daripada Malaysia, saya *biase* [biasa] pergi *Singapore* [Singapura] masa *saye kecil-kecil* [kecil], bapak *saye* masa *nak* [hendak] *raye* [raya] pergi beli kasut beli--.

SAG : **Ohh *shopping* [membeli belah] disana?**

LM : *Shopping* [membeli belah] *saje* [sahaja] lah *mase tu* [masa itu] Dolar *Singapore* [Singapura] rendahlah *so* [jadi] kita pergi beli barang *kat* [dekat] sana murah apa semua masa *tu* [itu] biasa masuk. Tapi pertama kali saya mula *bekerje* [bekerja] setelah saya habis sekolah, saya kerja dengan satu syarikat Zaitun, barang-barang Zaitun di sekitar-sekitar Johor. Dan kali kedua *tu* [itu] saya bertugas, saya bekerja di *Singapore tu* sepupu saya lah dia masuk *Singapore* dia kerja sana. *So* [jadi] dia ajak saya pergi kerja *kat* [dekat] sana. Itulah pertama kali saya jejak negara orang, kerja. Dan dari situ *saye* [saya] belajar satu ilmu yang saya *rase* [rasa] sangat-sangat mahal. Sampai hari ini, saya *rase*, untuk rasa cintakan *negare* [negara], pergilah kerja dekat negara orang, barulah kita tahu betapa hebatnya negara yang kita duduk *ni* [ini]. Selagi kita *tak* [tidak] duduk negara orang, kita hanya boleh bercakap *je* [sahaja] aku sayang negara ini, aku cinta negara, aku nyanyi lagu Negaraku boleh nyanyi. Tapi *kite* [kita] *takkan* [tidak akan] rasa *feel* [rasa] cinta *tu* bila *kite* rasa terhina duduk *kat* negara orang, kerja cari makan *kat* negara orang. Baru kita akan nampak Malaysia *ni* sangat-sangat dasyat dia punya nikmat kita sebagai rakyat. Itu pengalaman saya *kat Singapore* lah.

SAG : **Kiranya *p* [pergi] dengan sepupulah *kan* [bukan]?**

LM : Pergi dengan sepupulah.

SAG : ***Pasai* [pasal] kalau Encik Lukman *tak* [tidak] keberatan kami *nak* [mahu] *ambik gambaq* [bergambar] dengan Encik Lukman lepas *tu* [itu]**

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama penemubual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

sijil-sijil penganugerahan Encik Lukman.

LM : Boleh-boleh *okay* [baik] boleh.

SAG : Sebab kami nak masukkan dalam *report* [laporan]. Lepas *tu* [itu] kalau macam kami *taktau* [tidak tahu] lagi, maklumat yang kami dapat *ni* [ini] *valid* [sah] *ka dak* [atau tidak] untuk *lecturer* [pensyarah] kami. *Pastu* [lepas itu] kalau macam *tak* [tidak] cukup boleh kami *contact* [hubung] lagi?

LM : Boleh-boleh, boleh.

NNI : Maksudnya kadang-kadang *tu* [itu] buat baru, baru nampak *tak* [tidak] cukup *kat* [dekat] sini dekat sini, nanti kami *contact* [hubung].

SAG : Kalau ikutkan apa - *Lecturer* [pensyarah] dia nak *pasai* [pasal] belia. *Pasai* Encik Lukman dapat tubuh belia *tu* [itu] macam mana, *experience* [pengalaman] macam mana apa semua tapi tadi Encik Lukman ada *dah* [sudah] masukkan *dah* sikit. Rasanya nanti kami *bawak* [bawa] dulu benda *ni* [ini] dekat *lecturer* kalau *ni* apa-apa kami *contact* [hubung] balik.

LM : Mmm (angguk kepala)

SAG : Itu *ja* [sahaja].

LM : Itu *ja* [sahaja], selesai?

NNI : Nak tengok yang--.

LM : Boleh.

Nama tokoh : Encik Lukman bin Moidin
Nama pencembual : Syatirah & Nurul Naqibah
Tarikh temubual : 1 Mei 2017
Nama rakaman/Bil : Encik Lukman 1.3gpp

Maka sesi temu bual kami berakhir disini sahaja dan kemudiannya Encik Lukman membawa kami berdua ke ruangan di mana beliau mempamerkan semua sijil-sijil dan penganugerahan yang beliau perolehi sepanjang hidupnya. Tidak lupa juga, Encik Lukman juga menunjukkan kami beberapa dokumen yang mana terkandung hampir kesemua jenis hasil penulisan yang disediakan olehnya sendiri seperti yang dinyatakan di halaman rujukan. Demikian tadi, temubual bersama Encik Lukman bin Moidin mengenai latar belakang beliau dan pengalaman beliau sepanjang mengendalikan gerakan belia.

LOG TEMUBUAL

LOG TEMUBUAL

Masa	Topik	Perkara
04:47	Latar Belakang Tokoh / Biodata <ul style="list-style-type: none"> - Nama - Tarikh dan Tempat Lahir - Bilangan Adik-beradik 	<p>Encik Lukman Moidin dilahirkan pada 19 Februari 1970 di Kampung Seri Bengkal, Johor Darul Takzim dan beliau merupakan anak sulung daripada lima orang adik-beradik.</p>
05:12	Pendidikan <ul style="list-style-type: none"> - Pendidikan awal - Pendidikan Menengah Rendah - Pendidikan Menengah Atas - Diploma - Ijazah Sarjana Muda - Ijazah Sarjana 	<p>Encik Lukman memulakan pengajian awal peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan Seri Bengkal, Batu Pahat, Johor dan kemudiannya melanjutkan pengajiannya itu ke peringkat menengah rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Seth Yong Peng selama satu minggu. Kemudian berpindah ke Sekolah Menengah Kebangsaan Munsyi Sulaiman, Batu Pahat selama satu tahun. Tidak lama kemudian, beliau berpindah ke Sekolah Menengah Kebangsaan Parit Haji Hasan atau dikenali dengan Sekolah Kebangsaan Seri Gading. Pada peringkat menengah atas pula, beliau mengambil keputusan untuk bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kolam Ayer dan sekarang dikenali dengan Sekolah Menengah Dato' Syed Isa. Nasib menyebelahi beliau apabila diterima masuk ke Tingkatan Enam selepas membuat rayuan menggunakan penglibatan beliau dalam bidang</p>

		<p>kokurikulum. Beliau kemudiannya memohon kemasukan ke Maktab Perguruan dan beliau berkesempatan melaksanakan pengajian pada peringkat Sijil Perguruan di Institut Perguruan Sultan Abdul Halim, Kedah. Kemudian, beliau memohon program Kursus Diploma Perguruan Khas dan diterima untuk menjalani kursus di Institut Pendidikan Darul Aman, Kedah selama satu tahun seterusnya melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana pula disambung dalam bidang Pendidikan (Psikologi) di Universiti Malaya.</p>
22:56	<p>Penglibatan dalam Gerakan Belia - Penglibatan dalam GPMS</p>	<p>Beliau mula terlibat dengan gerakan belia sejak dari usia muda apabila beliau diminta untuk menyertai persatuan belia di kampungnya. Hal ini berlanjutan sehinggalah beliau dirisik oleh beberapa orang berpengaruh dalam persatuan GPMS untuk menghidupkan kembali organisasi tersebut. Hal ini berpunca daripada cara beliau menyediakan dokumentasi setelah program dijalankan dan hasil laporan tersebut disimpan atau dihantar kepada yang berkuasa sebagai bahan bukti dan juga rujukan.</p>

<p>52:00</p>	<p>Konflik Dalaman - Penyelewangan berlaku dalam organisasi</p>	<p>Encik Lukman berhadapan pelbagai cabaran semasa menerajui persatuan GPMS tersebut sehinggakan beliau dipandang rendah oleh segelintir masyarakat luar mahupun dalam organisasi. Berikutan beliau juga merupakan seorang pendidik, sudah jelas pergelutan ini menjejaskan nama baik beliau sebagai seorang pendidik seterusnya menjatuhkan reputasi Jabatan Pelajaran itu sendiri. Dalam persatuan ini, beliau dikatakan salah seorang yang menjadi punca permasalahan namun semuanya tidak berakhir begitu sahaja selepas beliau mengundur diri dari GPMS. Segala bukti dikumpul tanpa menghiraukan perasaan gentar akan kebenaran dan akhirnya berjaya membuktikan beliau berada di tempat yang benar.</p>
<p>15:45</p>	<p>Aktiviti Sampingan - Penebar roti canai - PVR</p>	<p>Seorang yang aktif bekerja, Encik Lukman sentiasa mencari sesuatu untuk dilakukan secara sampingan. Walaupun sudah bekerja dan telah mempunyai gaji yang dibayar bulanan, beliau masih tetap juga menebar roti canai di sekolah pada waktu pagi. Kemudian, beliau juga pernah menyertai Police Vounteer Reserve; badan sukarelawan kepolisian yang memerlukan latihan khusus selama enam bulan</p>

26:50	Kerjaya - Guru Pendidikan Khas - Guru Kaunseling	Beliau memulakan kerjaya beliau dalam bidang pendidikan sebagai guru pemulihan khas di SK Gelang Patah Johor, kemudian meneruskan kerjaya dalam bidang kaunseling di SMK Kuala Nerang. Setelah beberapa tahun, beliau mengambil keputusan untuk beralih menjadi Guru Pendidikan Khas; SMK Jabi.
1:04:00	Kerja Sambilan - Pertubuhan Barakah Malaysia - Skim Takaful Barakah	Encik Lukman turut terlibat dalam pekerjaan sambilan seperti menjalankan Skim Takaful Barakah dibawah persatuan yang baru ditubuhkan (Insuran). Pada awalnya, skim ini melibatkan Jabatan Pelajaran Negeri Kedah dimana ianya melibatkan skim untuk para pendidik warga Malaysia dan terbuka kepada semua warga pendidik. Setakat ini, hampir kesemua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak mempunyai AJK yang mewakili pertubuhan ini dibawah pimpinan Encik Lukman dan semakin bergiat aktif serta mendapat sokongan yang menggalakkan.
36:33	Bergelar perantau - Faktor kerja - Perkahwinan / Berkeluarga	Dari selatan ke utara Encik Lukman berhijrah atas faktor pekerjaan yang tidak dapat dielak walaupun mendapat tentangan daripada bapanya. Namun, beliau menguatkan semangat untuk terus berfikiran positif bahawa dengan penghijrahan beliau dapat mengumpul

		sesuatu yang baru. Faktor perkahwinan juga menjadi salah satu sumber kepada beliau untuk terus menetap di Kedah setelah mempunyai cahaya mata.
17:00:50	Pengalaman Berharga - Membacakan puisi kepada Tun Mahathir	Menurut Encik Lukman, nostalgia paling bermakna sepanjang hidupnya ada berjumpa dengan negarawan Malaysia dan berkesempatan membacakan puisi yang dikarang olehnya sendiri. Detik-detik itu juga turut disimpan sebagai memori dimana beliau berpeluang untuk menjejakkan kaki ke puncak tertinggi KLCC (tingkat 86); pejabat Tun Mahathir semasa perjumpaan tertutup tersebut diadakan.
54:38	Pencetus Idea - Pencadang PLKN (tidak disebarkan)	Amat memeranjatkan apabila didedahkan bahawa Encik Lukman merupakan orang pertama yang mencadangkan PLKN supaya dilaksanakan di Malaysia hasil daripada pemerhatian beliau di negara jiran. Artikel bertajuk ‘Kerahan Tenaga’ yang dihasilkan dan disebarkan melalui kolum akhbar bagaimanapun tidak mendapat perhatian pihak atasan sehinggalah muncul individu lain yang mengusulkan perihal yang sama. Namun demikian, usahanya tidak luntur begitu sahaja apabila beliau dilantik sebagai pemantau PLKN pada tahun pertama pelaksanaan PLKN.

<p>51:42</p>	<p>Minat Menulis</p> <ul style="list-style-type: none"> - Permulaan menulis - Berjinak dengan kolum akhbar - Aktiviti pendokumentasian 	<p>Minat terhadap penulisan ini dicungkil sejak beliau di alam pengajian tinggi bermula dengan menghasilkan ‘surat layang’ atas ketidakpuasan mengenai beberapa isu di sekeliling beliau seperti masalah bekalan air, aduan memohon supaya jalan diturap, dan sebagainya ; menggunakan nama samaran. Kemudiannya beliau menghasilkan majalah universiti bertujuan melakar kenangan bersama teman-teman dan dari situ beliau berjinak dengan kolum akhbar yang mana terdapat satu ruangan; Gelanggang Guru yang menjadi tempat beliau mencipta nama. Bukan itu sahaja, minatnya terhadap penulisan sedikit sebanyak membuatkan terbiasa untuk mendokumentasikan apa sahaja yang dihasilkan; baik program bersama pelajar sekolah mahupun aktiviti yang dipimpin oleh beliau turut disimpan sebagai bahan rujukan untuk penambahbaikan diri</p>
---------------------	--	---

INDEKS

INDEKS**B**

Bapak 29, 30, 31, 34, 35, 48, 49, 50, 51

Belia 7, 20, 26, 35, 52, 53

G

Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung 20, 21, 35, 36, 37, 38, 39, 48

Gelang Patah 11, 13, 15, 16, 27

I

Institut Perguruan Darul Aman 12, 13, 14, 18, 29

Institut Perguruan Sultan Abdul Halim 11, 13, 42

K

Kadet Polis 21, 22, 42, 43

Kaunseling 13, 14, 15, 23, 33

Keluarga 14, 23, 27, 29, 30, 50

Kursus Diploma Perguruan Khas 12, 13, 14

M

Malaysia 18, 40, 41, 42, 45, 46, 47, 51, 52

Master 18, 19, 20, 23, 33, 34, 43

Menulis 12, 26, 38, 39, 40, 42, 44

P

Pemulihan 13, 14, 23

Pengerusi 10, 20, 21, 26, 35, 36, 37, 38, 39, 45

Pertubuhan 20, 25, 26, 27, 35, 45, 46, 47

Police Voluteer Reserve 17, 18, 20, 21, 24, 25, 41

Politik 20, 32, 43, 45

Posting 11, 13, 15, 16, 18, 27, 29, 34, 42

Program Latihan Khidmat Negara 40, 41

R

Roti canai 9, 16, 18, 24, 42, 43, 47, 50

S

Singapore 50, 52

U


Universiti Pendidikan Sultan Abdul Halim 14, 15, 16, 26, 27, 29, 34

RUJUKAN

RUJUKAN

Peletakan jawatan naib pengerusi tidak jejas GPMS Kedah.(2010, Oktober 13).mStar.
Retrieved from <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2010/10/13/peletakan-jawatan-naib-pengerusi-tidak-jejas-gpms-Kedah/>

LAMPIRAN

LAMPIRAN**i. Biografi Tokoh**

Haji Lukman bin Moidin ataupun lebih dikenali sebagai Cikgu Lukman merupakan anak kelahiran Negeri Johor Darul Takzim, berketurunan Malbari yang merantau dari selatan tanah air ke utara semenanjung. Beliau dilahirkan pada 19 Februari 1970 di Kampung Seri Bengkal, Johor dan sekarang menetap di Kampung Setul Mukin Pedu, Kuala Nerang, Kedah selepas mengahwini isterinya; Puan Kama Noriahyang berasal dari Negeri Kedah. Beliau memulakan pendidikan awalnya seperti kanak-kanak yang lain namun seringkali berpindah-randah ke sekolah yang berlainan atas faktor-faktor tertentu sehinggalah beliau menamatkan pengajian peringkat menengah atas.

Semangat beliau yang berkobar-kobar tidak pernah luntur untuk terus mencorak gaya hidup yang lebih stabil apabila beliau berjaya menamatkan pengajiannya Ijazah Sarjana dalam bidang psikologi dan kini sedang berkhidmat sebagai seorang guru di sebuah sekolah pendidikan khas; SMK Jabi, Langgar, Alor Setar merangkap seorang kaunselor dan Pengerusi Persatuan Barakah Malaysia. Bapa kepada lima orang anak ini bagaimanapun tidak pernah kenal erti lelah dengan kesungguhannya dalam memegang beberapa perkara yang diamanahkan. Persatuan GPMS (Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung) yang dikatakan sudah “lumpuh” berjaya dihidupkan kembali bersama beberapa rakan seperjuangan.

Namun begitu, pergolakan yang terjadi dalam organisasi ini sedikit sebanyak menggugat kesabaran dan prinsip beliau untuk terus berkhidmat lantas beliau mengambil keputusan untuk meninggalkan gerakan ini. Pelbagai pengalaman baru yang diperolehi beliau sehinggalah beliau dianugerahkan Tokoh Belia Negara Kategori Kepimpinan, Duta Pendidikan GPMS Kedah, Johan Juara Penuh Disiplin Pegawai Kanan Kor Kadet Polis, Anugerah Penglibatan Kaunselor Cemerlang, Anugerah Cemerlang Kor Kadet Aktif 2011 & 2012 dan yang terbaru sekali adalah Bintang Kebaktian Masyarakat daripada Sultan Kedah.

Menelusuri perjalanan hidup beliau yang penuh dengan cabaran, beliau turut menceritakan mengenai perasaan beliau sebagai seorang bapa kepada lima orang anak, seorang suami dan juga seorang anak sulung kepada lima orang adik beradik dimana ibu bapa dan adik beradik pada awalnya amat bergantung harap pada beliau. Namun, semua itu berjaya diatasi dengan niat dan usaha beliau yang begitu tekad sehingga berjaya dan kejayaan beliau kini sedikit sebanyak menggembirakan seluruh isi keluarganya.

ii. Senarai Soalan

Sesi temubual akan dimulakan dengan kenyataan daripada pelajar kepada Encik Lukman untuk bertanyakan tentang;

Latar belakang Encik Lukman Moidin.

- 1) Boleh Encik Lukman perkenalkan serba sedikit mengenai latar belakang Encik Lukman? (Nama, umur, negeri asal, tarikh dilahirkan)
- 2) Pada umur berapakah Encik Lukman mula bekerja?
- 3) Bilakah Encik Lukman menempuhi alam perkahwinan?
- 4) Berapakah bilangan anak Encik Lukman sekarang?
- 5) Sekilas pandang, kami beranggapan bahawa Encik Lukman berdarah kacukan, adakah benar tanggapan kami ini?
- 6) Boleh Encik Lukman terangkan bagaimana Encik Lukman, sebagai anak Johor, berhijrah ke Kedah dan menetap di sini?
- 7) Pada awal penghijrahan Encik Lukman ke negeri Kedah, apakah cabaran dan rintangan yang Encik Lukman hadapi dalam proses penyesuaian diri disini?
- 8) Bagaimanakah Encik Lukman boleh terlibat dalam gerakan belia (Kadet Polis, GPMS) [sejak bila terlibat]

Penglibatan Encik Lukman Moidin.

- 9) Berdasarkan maklumat yang kami terima dari encik, encik berkelulusan dalam bidang psikologi. Jadi, boleh kami tahu, Apakah perkara/ peristiwa yang menyebabkan Encik Lukman memilih bidang ini?
- 10) Adakah ibu bapa Encik Lukman juga menjadi salah satu pendorong yang menjurus Encik Lukman ke dalam bidang ini?
- 11) Adakah Encik Lukman mempunyai kenalan yang mempengaruhi Encik Lukman dalam penglibatan GPMS, gerakan belia dan lain-lain?
- 12) Ceritakan sedikit tentang pengalaman Encik Lukman masa terlibat aktif dengan gerakan belia.
- 13) Siapakah yang jadi pendorong kepada Encik Lukman untuk terus bergiat dalam gerakan belia?

- 14) Berdasarkan maklumat yang kami temui seperti di dalam blog, kami dapati Encik Lukman turut terlibat dalam menyuarakan pendapat Encik Lukman yang tersendiri. Salah satu contoh yang menarik minat kami adalah mengenai perletakan jawatan Encik Lukman sebagai Naib Pengerusi GPMS Kedah oleh kerana hilang kepercayaan pada NGO. Jadi kami ingin menanyakan mengenai perasaan Encik Lukman masa memuat naik pendapat yang tersendiri mengenai beberapa isu tertentu? [pemecatan pengerusi]
- 15) Apakah perkara yang membuatkan Encik Lukman mengambil keputusan untuk mengetengahkan pendapat yang tersendiri?
- 16) Apakah peristiwa yang memberi kesan yang mendalam sepanjang penglibatan Encik Lukman dalam menguruskan kelab/persatuan gerakan belia?
- 17) Adakah Encik Lukman berasa gentar akan tindakan Encik Lukman ini yang mungkin menimbulkan salah faham oleh sesetengah pihak? [dari segi keluarga, saudara terdekat dan sahabat handai]

Penganugerahan yang Diterima Moidin.

- 18) Kami mendapat maklumat bahawa baru-baru ini Encik Lukman dianugerahkan pingat dari Sultan Kedah, apakah penganugerahan tersebut?
- 19) Apakah perasaan Encik Lukman sebagai ayah saat menerima anugerah yang Encik Lukman terima?
- 20) Ada anak-anak Encik Lukman juga turut terlibat aktif dalam gerakan belia?
- 21) Sepanjang penglibatan Encik Lukman dalam pelbagai bidang sebelum ini, berapa banyakkah anugerah atau pingat penghargaan yang telah encik terima? [kalau tidak keberatan, boleh atau tidak kami nak lihat/ ambil gambar?]

Ralat

1. Bunyi deringan telefon Encik Lukman ketika temubual dijalankan.
2. Bunyi selakan helaian kertas.

iii. Diari Penyelidikan

Tarikh	Lokasi	Masa	Catatan
9 Mac 2017	Rumah	6.00 pm	Seluruh kelas mendapat info daripada rakan sekelas berhubung Dr Azree, dimana beliau memberi tugas kepada pelajar untuk mencari tokoh yang bersesuaian bagi projek Pendokumentasian Sejarah Lisan
13 Mac 2017	C10	10.00 pm	Telah bertanya kepada Puan Khairunisah tentang kesudian beliau untuk ditemubual mengenai pengalaman beliau mengajar bahasa ketiga di Malaysia. Dari situ, kedua pelajar telah menyenarai pendek Puan Khairunisah Sayed Ibrahim (guru Bahasa Jerman). Beliau memberitahu bahawa beliau tidak keberatan untuk berkongsi pengalaman.
14 Mac 2017	MK 5	3.00 pm	Perbincangan antara Syatirah dan rakan kumpulan, Nurul Naqibah dimulakan sejurus Dr Azree menerangkan tentang kriteria tokoh yang layak untuk dimuatkan dalam projek Dokumentasi Sejarah Lisan.
15 Mac	Rumah	9.00	Kedua rakan telah menyenarai pendek nama yang berpotensi untuk dipilih sebagai tokoh pendokumentasian sejarah lisan; iaitu <ul style="list-style-type: none"> i. Encik Lukman Bin Moidin (Tokoh Belia Negeri Kedah) ii. Tok Haji Ismail (Pakar Perubatan Tradisional)


16 Mac 2017	Rumah	6.00 pm	Kedua ahli kumpulan berterusan menjalankan proses mencari nama tokoh tambahan sebagai simpanan andai nama tokoh utama ditolak.
17 Mac 2017	Rumah	10.00 am	Nama pendua sebagai simpanan telah ditemui; iaitu, Puan Khairunisah Sayed Ibrahim (guru Bahasa Jerman)
19 Mac 2017	MK5	4.00 pm	Berbekalkan maklumat yang di temui, pelajar mencuba untuk berhubung dengan kedua-dua nama yang telah disenarai pendek. Percubaan berhubung dengan Encik Lukman mendapat respond an kerjasama yang baik, namun tiada jawapan dari Tok Haji Ismail (pesanan ringkas & panggilan suara)
21 Mac 2017	MK5	3.00 pm	Kedua ahli telah diminta untuk membentangkan nama tokoh yang dipilih. Kedua- dua nama yang telah disenarai pendek telah dibentangkan. Keputusan Dr Azree bagi pemilihan tokoh berpihak kepada Encik Lukman bin Moidin (Tokoh Belia Negeri Kedah)
23 Mac 2017	C10	10.00 pm	Kedua pelajar memohon maaf kepada Puan Khairunisah Sayed Ibrahim atas kegagalan untuk meneruskan projek Dokumentasi Sejarah Lisan bersama beliau.
24 Mac 2017	Rumah	11.00 am	Kedua pelajar meneruskan proses mencari maklumat mengenai Encik Lukman bin Moidin di seluruh media sosial, carian internet dan portal arkib Utusan Malaysia.

28 Mac 2017	MK5	2.27 pm	Cubaan berhubung kali kedua dengan Encik Lukman melalui Whatsapp untuk bertanyakan maklumat diri beliau dijawab dengan baik. Kerjasama yang diberikan beliau membantu kelancaran proses pengumpulan maklumat.
29 Mac 2017	Rumah	12.00 pm	Proses pencarian data dan maklumat berkaitan Encik Lukman bin Moidin dijalankan bagi melancarkan proses membina senarai soalan temubual
4 April 2017	MK 5	3.00 pm	Berjumpa dengan Dr Azree untuk kepastian kesesuaian soalan untuk temubual kelak.
6 April 2017	Rumah	8.00 pm	Kedua ahli duduk bersama untuk memperbetulkan kesalahan dalam penggunaan soalan seperti yang telah ditanda oleh Dr Azree.
13 April 2017	Rumah	2.30 pm	Proses melengkapkan data dan maklumat berkaitan Encik Lukman bin Moidin dijalankan bagi melancarkan proses membina senarai soalan temubual
18 April 2017	Rumah	3.30 pm	Cubaan berhubung semula dengan Encik Lukman melalui Whatsapp untuk menentukan tarikh temubual disambut baik . beliau juga tidak keberatan untuk menjalankan sesi temubual pada Hari Pekerja.
27 April 2017	Rumah	2.00 pm	Kedua ahli kumpulan bergerak ke Bangunan Hal Ehwal Akademik untuk mengisi borang pengesahan pelajar sebagai dokumen tambahan ketika temubual berlangsung kelak.


30 April 2017	Rumah	4.00 pm	Behubung semula dengan Encik Lukman berkaitan masa dan lokasi temubual.
1 Mei 2017	Kompleks Pekan Selasa, Kuala Nerang	10.30 am	Temubual bersama Encik Lukman dijalankan di pejabat beliau di Kompleks Pekan Selasa. Temubual berlangsung selama 2 jam.
7 Mei 2017	Rumah	8.30 pm	Proses transkrip mula dijalankan. Bagi sesi ini, durasi transkrip hanya mencapai 12 minit rakaman sahaja.
8 Mei 2017	Bangunan Hal Ehwal Akademik	12.00 pm	Kedua pelajar menghantar proposal kepada Dr Azree untuk disemak
22 Mei 2017	Pejabat Dr Azree	3.00 pm	Sesi konsultasi bersama Dr. Azree dijalankan untuk mendapatkan pencerahan tentang proses transkrip rakaman suara.
23 Mei 2017	MK5	3.00 pm	Sesi konsultasi bersama Dr. Azree; dimana, Dr Azree meminta setiap kumpulan membentangkan sebarang kesulitan yang dihadapi sepanjang proses melengkapkan projek Dokumentasi Sejarah Lisan.
6 Jun 2017	MK5	3.00 pm	Sesi konsultasi bersama Dr. Azree; dimana, ahli kumpulan mendapatkan pencerahan daripada Dr. Azree tentang proses melengkapkan seksyen Diari Penyelidikan

9 Jun 2017	Rumah	3.00 pm	Kedua pelajar bersama-sama dalam menyediakan dan menyiapkan artikel berkaitan Encik Lukman
20 June 2017	Bangunan Hal Ehwal Akademik	9.00 am	Menghantar artikel yang telah lengkap kepada Dr Azree di pejabat beliau.
26 June 2017	Rumah	11.00 pm	Proses transkrip diteruskan sepanjang cuti Hari Raya Aidilfitri
30 June 2017	Rumah	9.00 am	Kedua pelajar menyemak semula hasil transkrip rakaman suara dan memasukkan input transkrip yang betul; dari segi penggunaan simbol, kata, bahasa dan pembetulan dialek.
4 Julai 2017	Rumah	1.30 pm	Kedua pelajar duduk bersama bagi melengkapkan maklumat lain di dalam Transkrip Wawancara; mengikut format yang ditetapkan.
8 Julai	Rumah	8.00 pm	Menyemak semula transkrip yang telah disiapkan bagi mengelak berlaku sebarang kesilapan sewaktu mencetak.
9. Julai 2017	Serumpun Niaga	2.00 pm	Proses mencetak transkrip dijalankan

iv. Gambar, Sijil dan Bahan Berkaitan



Buku yang mengumpulkan hasil penulisan beliau beserta bukti penulisan.




Isi kandungan yang terdapat dalam koleksi 'Seraut Kalam'.



Salah satu artikel mengenai belia yang dimuat naik dalam kolom akhbar.



Salah satu artikel mengenai PLKN di Malaysia turut dimuatnaik dalam kolom akhbar.



Kelulusan pendaftaran perniagaan atas Persatuan Barakah Malaysia.



Risalah Skim Takaful Barakah



Anugerah & Pencapaian
Cr. HJ. LUKMAN BIN HJ. MOIDIN
B.Ed. (KAUNSELING) M.Ed. (PSIKOLOGI)
Jurulatih & Pengerak Sarana Kebangsaan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kaunselor Berdaftar & Perunding Motivasi

- Tokoh Bella Negara 2008
- Johan Juara Penuh Disiplin Pegawai Kanan Kor Kadet Polis 2013
- Duta Pendidikan GPMS Negeri Kedah
- Panel Pemikir GPMS Kedah
- Anugerah Cemerlang Kor Kadet Aktif 2011 & 2012
- Anugerah Penglibatan Kaunselor Cemerlang

Man jbp Cr Lukman Moidin
manjbp70@hotmail.com 019 419 6969

Senarai anugerah yang diterima oleh Encik Lukman Moidin



Menunjukkan penglibatan beliau yang aktif dari pelbagai sudut




Menerima anugerah Tokoh Belia Negara 2008 daripada Sultan Kedah



Penganugerahan Anugerah Cemerlang Kor Kadet Aktif 2011 & 2013



Watikah Perlantikan Panel Pemikir GPMS Kedah bagi tahun 2014



Galeri bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad di Menara Berkembar KLCC.







Sijil Penganugerahan Anugerah Belia Negara 2008.






Sijil penghargaan kepada Encik Lukman Moidin sebagai AJK Majlis Belia Kedah.

Berikut merupakan bukti-bukti komunikasi yang berlaku sepanjang kajian dijalankan:











UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN PROJEK SEJARAH LISAN

Saya LUKMAN BIN MOHDIN K/P: 700219-01-5731 pada 1 MEI 2017 (ISNIN) dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....
Nama Pencerita

Tarikh: 01.05.17

.....
Dr. Azree bin Ahmad,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Cawangan Kedah.

Tarikh: 11/7/2017